

# **BAB III**

### BAB III

### PENTAFSIRAN SURAH AL-HUJURĀT

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَلُوا لَا تُعْدِمُوا بَيْنَ يَدَيِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَقْسُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ<sup>(۱)</sup> يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَلُوا لَا تُرْفَعُوا أَصْوَاتُكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَخْهُرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرٍ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَحْجَطَ أَعْمَالَكُمْ وَأَثْمَمْ لَا تَشْعُرُونَ<sup>(۲)</sup> إِنَّ الَّذِينَ يَعْصُونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ اتَّخَذُوا اللَّهَ قُلُوبَهُمْ لِتَقْوَى لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَآخِرَ عَظِيمٌ<sup>(۳)</sup> إِنَّ الَّذِينَ يَنْأُونَكَ مِنْ وَرَاءِ الْحُجُّرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ<sup>(۴)</sup> وَلَوْ أَنَّهُمْ صَبَرُوا حَتَّى تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ<sup>(۵)</sup> يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَلُوا إِنْ حَمَاءَكُمْ فَاسِقٌ بَنِيَ قَبَيْتُمَا أَنْ تُصْبِيُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَصَبَحُوا عَلَى مَا فَعَلُوكُمْ نَادِيْمِينَ<sup>(۶)</sup> وَأَعْلَمُوا أَنْ فِيكُمْ رَسُولُ اللَّهِ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِنَ الْأَمْرِ لَعَثْمَ وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّ إِلَيْكُمُ الْيَمَانَ وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبَّ إِلَيْكُمُ الْيَمَانَ وَرَبِّتُهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَسَكَرَّةٌ إِلَيْكُمُ الْكُفْرُ وَالْفُسُوقُ وَالْعِصَيَانُ أُولَئِكَ هُمُ الرَّاِشِدُونَ<sup>(۷)</sup> فَضَلَّا مِنَ اللَّهِ وَنَعْمَةٌ وَاللَّهُ عَلِيْمٌ حَكِيمٌ<sup>(۸)</sup> وَإِنْ طَائِقَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ افْتَلُوا فَأَصْلَحُوا بَيْتَهُمَا فَإِنْ بَعْتُ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا أَلَّا تَبْغِي حَتَّى تَبْغِي إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلَحُوا بَيْتَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَسْبِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ<sup>(۹)</sup> إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَجُوا فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَأَقْسُوا اللَّهَ أَعْلَمُكُمْ ثُرَّاحِمُونَ<sup>(۱۰)</sup> يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَلُوا لَا يَسْخَرُوا قَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا

نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءِ عَسَى أَنْ يَكُنْ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُو أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَاهِزُو بِالْأَلْقَابِ بِغَيْرِ  
 الاسمِ الْفُسُوقِ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتَبَّعْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (١) يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَثُوا  
 احْتِنَابًا كَثِيرًا مِّنَ الظُّنُنِ إِنَّ بَعْضَ الظُّنُنِ إِنْمَّا وَلَا تَحْسِسُو وَلَا يَتَبَّعْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا  
 أَيُّهُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَا كُلَّ لَعْنَمُ أَعِيهِ مِنْتَ فَكَرِهْتُمُوهُ وَأَقْتَلُو اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرُوبٌ  
 رَّحِيمٌ (٢) يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَجَاءَكُمْ لِتَعْلَمُوْ  
 إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ (٣) قَالَتِ الْأَغْرَابُ عَامَّا قُلْ لَمْ يُؤْمِنُوا  
 وَلَكِنْ قَوْلُوا أَسْلَمْتَا وَلَكِنْ يَدْخُلُ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهُ وَرَسُولَهُ لَا يَلْتَكُمْ  
 مِّنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ (٤) إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ عَامَثُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ  
 ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهُدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْشَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ (٥) قُلْ  
 أَعْلَمُونَ اللَّهُ بِدِينِكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ كُلَّ شَيْءٍ  
 عَلِيمٌ (٦) يَعْلَمُونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا قُلْ لَا ظَمَّا عَلَيَّ إِسْلَامُكُمْ بِلِ اللَّهِ يَعْلَمُ عَلَيْكُمْ أَنْ  
 هَذَا كُمْ لِلْإِيمَانِ إِنْ كُمْ صَادِقُونَ (٧) إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
 بِمَا تَعْمَلُونَ (٨)

Surah al-Hujurāt (49):1-18.

### III.1. Pendahuluan.

Maha suci Allah yang telah menurunkan al-Qur'an dengan kekuasaan-Nya dan keluasan ilmu-Nya, sehingga al-Qur'an itu dapat memberi petunjuk kepada

manusia untuk kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Keluasan ilmu Allah nampak dengan jelas pada setiap ayat-ayat-Nya dalam al-Qur'an, yang menjelaskan berbagai-bagi pedoman kehidupan manusia, yang intinya agar manusia tunduk dan patuh hanya pada aturan serta pedoman-Nya.

الْكِتَابُ أَخْبَرَتْ عَلَيْهِ ثُمَّ فَصَلَّتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَيْرٍ (۱) أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهُ إِلَّيْ  
لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ وَشِيرٌ (۲)

Maksudnya:

"Alif lam ra, (inilah) suatu Kitab yang ayat-ayatnya disusun dengan rapi serta dijelaskan secara terperinci, yang diturunkan dari sisi (Allah) yang Maha Bijaksana lagi Maha Tahu, agar kamu tidak menyembah selain Allah. Sesungguhnya aku (Muhammad) adalah pemberi peringatan dan pembawa khabar gembira kepadamu daripada-Nya".

Terjemahan Surah *Hüd* (11):1-2.

Al-Qur'an merupakan firman Allah yang diturunkan kepada manusia, yang rohnya dapat melapangkan orang-orang mukmin dalam perjalanananya yang sangat rumit di muka bumi ini, serta cahayanya akan menerangi sekitar rohnya itu, juga akan memberi pengetahuan kepada orang yang membacanya, dan sebagai petunjuk yang akan menjelaskan pengetahuan pada jalan hidup yang sebenar.<sup>1</sup>

Manusia sangat memerlukan al-Qur'an sebagai pedoman dalam hidupnya, keadaan ini nampak dalam pentafsiran yang mengarah pada kajian al-Qur'an yang tidak pernah berhenti dari masa ke semasa. Sebab Kitab ini mengandungi pelbagai

---

<sup>1</sup> Muhammad Quṭub (1980), *Dirāsat Qur'āniyyat*. Bayrut, Lubnān: Dār al-Syurūq, h. 487.

ilmu dan sebagai petunjuk, yang tidak hanya dapat memenuhi kebahagian hidup di dunia sahaja, melainkan dapat menjangkau kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

Kitab ini sentiasa menawarkan kajian-kajian yang menarik perhatian manusia dari pelbagai perspektif kajian, sehingga mendorongnya untuk mentafsirkan serta mengkjajinya. Lebih-lebih lagi dalam Kitab ini Allah S.W.T. memerintahkan manusia untuk mengadakan kajian-kajian terhadap ayat-ayat-Nya.

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَفْعَالُهُمْ (٤)

Maksudnya:

“Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Qur'an ataukah hati mereka terkunci?”.  
Terjemahan Surah *Muhammad* (47):24.

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا (٨٢)

Maksudnya:

“Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Qur'an? Kalau sekiranya al-Qur'an itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat pertentangan yang banyak di dalamnya”.

Terjemahan Surah *al-Nisā'* (4):82.

Dengan berkembangannya pemikiran manusia, sehingga pentafsiran terhadap al-Qur'an ini pun berkembang dengan berbagai perspektif dan metodologi pentafsiran, dengan tidak mengurangi nilai kemuliaan Kitab tersebut. Al-Farmāwi menjelaskan perkembangan metodologi pentafsiran al-Qur'an ini menjadi beberapa macam metod, antaranya; *tahlīl*, *ijmālī*, *muqarran* serta *maudū'i*. Dalam metod

tafsir *tahlīlī*, al-Farmāwī menjelaskan beberapa corak pentafsiran daripada metod ini, iaitu; *tafsīr bi al-ma'thūr*, *tafsīr bi al-ra'y*, *tafsīr sūfī*, *tafsīr al-Fiqhī*, *tafsīr al-falāṣafī*, *tafsīr al-'ilmī*, dan *tafsīr al-adab al-ijtimā'ī*.<sup>1</sup>

Berdasarkan pernyataan ini, bahawa pentafsiran al-Qur'an akan sentiasa berkembang sesuai dengan perkembangan zaman serta pemikiran manusia. Yang mesti diperhatikan bahawa meskipun metod pentafsiran al-Qur'an itu berbeza-beza seperti yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir, namun intinya adalah sama iaitu sebagai usaha untuk memberikan kefahaman tentang al-Qur'an kepada manusia yang berbeza-beza corak pemikiran dan kemampuan pemahamannya.

Berdasarkan penjelasan di atas, penulis menganggap penting untuk mengkaji serta coba menghuraikan salah satu surah daripada al-Qur'an, iaitu Surah *al-Hujurāt*. Yang tentunya huraian ini merupakan hasil daripada kajian terhadap sumber kitab-kitab tafsir. Penulis menyedari, bahawa keluasan ilmu Allah dalam al-Qur'an tidaklah mungkin dapat dijangkau oleh manusia. Oleh itu dalam menafsirkan surah ini yang akan di jelaskan di bawah, tentu tidak akan sempurna memandangkan keterbatasan pengetahuan yang penulis miliki. Semoga Allah mengampuni dan melindungi daripada segala kesalahan dan kesilapan.

---

<sup>1</sup>. Abd al-Hayy al-Farmāwī (1997), *al-Bidāyah fi al-Tafsīr al-Maudū'ī*. al-Hadrat al-Tarbiyah, h. 11-12.

### **III.2. Latar belakang Surah *al-Hujurāt*.**

Surah *al-Hujurāt* merupakan surah yang luas cakupannya. Di dalamnya mengandungi beberapa etika dalam pergaulan antara manusia dengan Tuhan-Nya dan dengan Rasul-Nya, serta sesamanya.

Surah ini adalah satu surah yang amat besar, ia hampir-hampir merupakan satu-satunya surah yang menggambarkan ciri sebuah alam atau masyarakat yang luhur, bersih dan sejahtera, di samping mendedahkan hakikat-hakikat agung dan menanamkan lunas-lunasnya di lubuk hati manusia dengan hanya menggunakan delapan belas ayat sahaja.<sup>1</sup>

Kandungan surah ini meliputi metodologi-metodologi pembentukan dan penyusunan sebuah alam hidup dan mengandungi asas-asas didikan dan asuhan, juga dasar-dasar perundangan dan bimbingan. Isi kandungannya melebihi saiz surah ini dan bilangan ayat-ayatnya ratusan kali ganda.<sup>2</sup>

Surah ini dimulai dengan ayat-ayat yang menjelaskan sebuah alam hidup yang beradab sopan kepada Allah dan Rasul-Nya, yang mana seorang manusia menyedari batas-batas kehambaannya di hadapan Allah.

---

<sup>1</sup> Sayyid Qutub (1982), *Fī Zilāl al-Qur'ān*. J. 6, Bayrut, Lubnān: Dār al-Syurūq, h.3354.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 3335.

Di kalangan orang Arab terdapat orang-orang yang kasar serta buruk akhlak semasa berbicara dengan Rasulullah S.A.W., mereka juga sering memanggilnya dengan panggilan yang buruk. Jadi, surah ini mengandungi perintah supaya berakhlik mulia serta menjaga adab.<sup>1</sup>

Pembahasan surah ini dilanjutkan dengan penjelasan terhadap beberapa prinsip dalam bermasyarakat, antaranya menjelaskan tentang sikap berhati-hati dalam menerima suatu berita yang belum jelas kebenarannya. Diikuti dengan penjelasan mengenai tanggungjawab sosial bagi setiap orang yang beriman untuk mendamaikan orang-orang mukmin jika terjadi konflik antara mereka.

Setelah itu Allah S.W.T. membawa orang-orang mukmin pada hakikat persaudaraan yang sebenar, iaitu persaudaraan yang diikat oleh ikatan Ilahi, yang tidak ada lagi sekatan-sekatan bangsa, suku maupun puak. Oleh sebab orang mukmin itu bersaudara, maka penjelasan berikutnya Allah menjelaskan tentang kewajipan saling menjaga hak dan kehormatan orang lain. Antaranya dengan menjauhi sikap saling merendahkan antara sesama orang mukmin, menjauhi sikap memberi gelaran yang buruk kepada orang lain, menjauhi sikap buruk sangka dan saling membincangkan keburukan orang lain.

---

<sup>1</sup> al-Qurtubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 198.

Selanjutnya Allah S.W.T. menjelaskan dalam surah ini suatu hakikat bahawa manusia adalah sama dihadapan-Nya, kerana yang paling mulia di sisi-Nya hanyalah mereka yang paling bertakwa kepada-Nya.

Surah ini diakhiri dengan penjelasan Allah tentang hakikat keimanan yang sebenar, iaitu mereka yang yakin kepada Allah dan Rasul-Nya, sehingga mereka berjuang di jalan-Nya dengan segala potensi diri, sama ada dengan harta atau dirinya sendiri.

### **III.3. Kaitan Surah *al-Hujurāt* dengan surah sebelumnya.**

Sesungguhnya al-Qur'an merupakan kitab yang banyak sekali mengandungi hikmah yang tersembunyi di dalamnya, yang kadang kala manusia tidak mengetahuinya. Biasanya para ulama dalam melihat hikmah yang terkandung pada suatu surah, mereka melihatnya dari beberapa aspek, seperti; *uslub-uslub*-nya, syari'at yang dikandungi, tertib surah serta ayat-ayatnya, pembahasan surah tersebut, dan hubung kait antara surah-surah jika tidak terdapat nash. Metod ini sebagai usaha untuk menjelaskan hikmah daripada susunan surah-surah tersebut.<sup>1</sup>

Berkaitan dengan huraian di atas, di bawah ini akan dijelaskan beberapa kaitan antara Surah *al-Hujurāt* dengan surah sebelumnya, iaitu Surah *al-Fath*:

---

<sup>1</sup> Muḥammad bin Muḥammad bin al-Amin al-Anṣārī (1984), *Minhāj al-Da'wah al-Islāmiyah Fi al-Binā'i al-Ijtīmā'i*. Riyāḍ: Maktabah al-Anṣār, h.14.

1. Kedua-dua surah ini sama-sama termasuk surah *Madāniyyah*, dan sama-sama mengandungi pelbagai hukum. Dalam Surah *al-Fath* mengandungi hukum memerangi orang-orang kafir, sementara dalam Surah *al-Hujurāt* mengandungi hukum memerangi orang-orang yang *bughāt* (pembangkang) daripada kalangan kaum muslimin.
2. Surah *al-Fath* diakhiri dengan ayat yang menjelaskan tentang orang-orang yang beriman serta sifat-sifatnya (“Muhammad itu ialah utusan Allah dan orang-orang yang bersamanya bersikap tegas terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang antara mereka...” Surah *al-Fath* [48] ayat 29), dan surah *al-Hujurāt* dimulai dengan ayat-ayat yang menjelaskan orang-orang yang beriman (“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya...” Surah *al-Hujurāt* [49] ayat 1). Ertinya kedua-dua surah ini saling berhubungkait dalam pembahasannya.
3. Surah *al-Fath* mengandungi pemberian kemuliaan dan pertolongan kepada Rasulullah S.A.W.. Sementara dalam Surah *al-Hujurāt* dimulai dengan ayat-ayatnya yang mengandungi keagungan dan tata adab kepada Rasulullah S.A.W.<sup>1</sup>

### **III.4. Pentafsiran Surah *al-Hujurāt*.**

#### **III.4.1. Penjelasan ayat 1.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَلُوا لَا تُنَقْدِمُوا بَيْنَ يَدِيِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَثْقَلُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (١)

---

<sup>1</sup> Al-Anṣārī (1984), *op.cit.*, h. 15.

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49):1.

### III.4.1.A. Pentafsiran ayat.

Ayat ini menjelaskan bahawa seorang yang beriman dilarang mendahulukan fikiran dan pendapatnya sendiri dalam hal-hal yang berkenaan dengan agama sebelum dia terlebih dahulu menilik, memandang dan memperhatikan firman Allah S.W.T. dan sabda Rasulullah S.A.W.<sup>1</sup> Ayat ini juga merupakan seruan daripada Allah S.W.T. kepada orang-orang yang beriman kepada-Nya walaupun tanpa melihat-Nya. Ianya memberangsangkan hati mereka dengan sifat iman yang mengikatkan mereka dengan Allah S.W.T., dan membuat mereka merasa bahawa dirinya kepunyaan Allah dan mereka yang memakai lencana Allah. Ianya juga membuat mereka merasa bahawa mereka berada di bumi ini adalah untuk menyempurnakan satu urusan yang telah diatur dan dikehendaki oleh Allah S.W.T..<sup>2</sup>

Ibn Kathīr dalam penjelasan ayat ini, mengemukakan suatu kejadian yang berlaku ketika Rasulullah S.A.W. mengutus sahabatnya Mu'āz bin Jabāl untuk menyebarkan agama Islam ke negeri Yaman. Ketika mahu berangkat Rasulullah bertanya: "Dengan apakah kamu akan menghukum?", Mu'āz menjawab: "Dengan

<sup>1</sup> Hamka (1983), *tafsir al-Azhar*, J. 26, Jakarta, Indonesia: PT. Panjimas, h.6809.

<sup>2</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h. 3338.

Kitab Allah?" Rasulullah bersabda: "Jika tidak tidak terdapat dalam Kitab tersebut?" Mu'āz menjawab: "Dengan Sunnah Rasulullah S.A.W.!" Rasulullah bersabda: "Kalau engkau tidak dapat juga dalam Sunnah-ku?". Mu'āz menjawab: "Aku akan berijtihad dengan fikiranku". Lalu Rasulullah S.A.W. menepuk dada Mu'āz, seraya bersabda: "Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufik kepada utusan Rasulullah S.A.W. dalam mencari hukum yang direndai oleh Rasulullah S.A.W..<sup>1</sup>

Daripada kisah Mu'āz bin Jabāl di atas, dapat diambil suatu iktibar bahawa dalam pengambilan suatu keputusan atau menentukan suatu hukum, maka hendaklah Firman Allah S.W.T. serta sabda Nabi S.A.W. dijadikan landasan utama sebelum *ra'yī* (fikiran). Ayat ini juga merupakan larangan berbuat gopoh dalam mengambil keputusan sebelum melihat ketentuan-ketentuan yang telah dijelaskan baik dalam al-Qur'an maupun al-Sunnah.

Dalam beberapa keadaan para sahabat sering ditanya oleh Rasulullah S.A.W. tentang hari dan tempat yang benar-benar diketahui mereka. Namun mereka tetap mendiamkan diri daripada menjawab pertanyaan tersebut kecuali dengan mengatakan: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui". Mereka takut jika jawapannya itu akan mendahului Allah dan Rasul-Nya.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Ibn Kathīr (1984), *op.cit.*, J. 6, h.366.

<sup>2</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h. 3338.

Ibn Kathīr mengutip pendapat seorang mufassir, iaitu Al-‘Aufī yang mengatakan bahawa ayat ini mengandungi suatu larangan berbicara mendahului firman Allah.<sup>1</sup> Menurut al-Qurtubī bahawa bukan hanya dalam berbicara sahaja, melainkan dalam mengerjakan sesuatu pun dilarang mendahului pedoman yang telah Allah turunkan serta perkataan Rasulullah S.A.W., dan hendaklah mengambil daripada kedua-duanya untuk urusan agama mahupun dunia. Sekiranya dia berani mendahului Rasulullah S.A.W. maka dia pun telah mendahului Allah S.W.T. kerana Rasulullah S.A.W. diutus untuk membawa perintah Allah S.W.T.<sup>2</sup>

Sementara itu ibn Juraij seperti yang dikutip oleh al-Qurtubī menambahkan bahawa ayat di atas merupakan larangan mendahului waktu yang telah ditetapkan dan diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya, walaupun hal tersebut merupakan suatu bentuk ketaatan atau kebaikan.<sup>3</sup>

Al-Qādī pula mengatakan bahawa ayat di atas secara tegas menerangkan perlunya mengerjakan suatu bentuk ibadah dalam waktu yang telah ditetapkan, kerana setiap bentuk ketaatan dan ibadah itu telah ditentukan waktunya, seperti solat, puasa dan haji. Seseorang dilarang mengerjakannya dengan mendahului waktu yang telah ditetapkan itu.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Ibn Kathīr (1984), *op.cit.*, J. 6, h.366.

<sup>2</sup> Al-Qurtubī (1993), *op.cit.*, J. 8,h. 198.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> *Ibid.*

Menurut pengarang tafsir al-*Mīzān*, al-‘Allāmah al-Sayyid Muḥammad Ḥusayn al-Ṭabāṭabā’i bahawa ayat di atas mengandungi tiga larangan, iaitu pertama, larangan berbicara sebelum Rasulullah S.A.W., apabila ditanya dalam suatu majlis tentang sesuatu perkara, maka jangan menjawab sebelum Rasulullah S.A.W. menjawabnya terlebih dahulu. Yang kedua, larangan berkata terlebih dahulu atau mengerjakan sesuatu sebelum diperintahkan oleh Rasulullah S.A.W.. Yang ketiga, jangan berkata atau berbuat sesuatu yang mendahului perkataan serta perbuatannya, dan tidak boleh seseorang berjalan di depan Rasulullah.<sup>1</sup>

Kesempurnaan ajaran Islam adalah kerana berlandaskan kepada dua ajaran pokok, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, dan telah menutup kemungkinan bagi manusia untuk merujuk pada ajaran-ajaran yang lain. Justeru itu, dalam menentukan suatu hukum tidak dapat lepas daripada kedua-dua pokok ajaran itu sebelum menggunakan hukum yang lain.

Ayat pertama dalam Surah *al-Hujurāt* ini secara umumnya telah menekankan bahawa dalam bentuk apapun apabila seseorang mengambil suatu keputusan dengan tidak melihat terlebih dahulu al-Qur'an dan al-Sunnah, itu merupakan suatu bentuk pengingkaran terhadap ketentuan-ketentuan Allah, sebagaimana dalam firman-Nya:

---

<sup>1</sup> Al-‘Allāmah al-Sayyid Muḥammad Ḥusayn al-Ṭabāṭabā’i (1991), *al-Mīzān fī Tafsīr al-Qur'ān*, J. 18, Bayrut, Lubnān: Mu'asasah al-'Alami li al-Matbū'āt, h. 311.

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ (٤٤)

Maksudnya:

“Barang siapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu ialah orang-orang yang kafir.”

Terjemahan Surah *al-Māidah* (5):44.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ نَزَّلْنَا عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ إِنْسَانٍ مَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ وَمَا أَنْزَلَ مِنْ قِبْلِكَ بِرُبْدَانَ أَنْ  
يَتَحَاكَمُوا إِلَيْكَ طَاغُوتٌ وَقَدْ أَمْرُوا أَنْ يَكْفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ ضَلَالًا  
عَيْنًا (٦٠)

Maksudnya:

“Apakah kamu tidak memperhatikan orang-orang yang mengaku dirinya telah beriman pada apa yang diturunkan kepadamu dan kepada apa yang diturunkan sebelum kamu? Mereka hendak berhakim kepada *Tāghūt*, padahal mereka telah diperintah mengingkari *Tāghūt* itu. Dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka (dengan) penyesatan yang sejauh-jauhnya.”

Terjemahan Surah *al-Nisā'* (4):60.

Begini juga jika seseorang telah mengingkari Rasul-Nya, maka sama seperti dia mengingkari Allah S.W.T. sebagaimana yang terdapat dalam ayat di bawah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْأُمَّرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ  
فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُشِّمْتُمْ ثُوْمَتُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمُ الْآخِرُ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ  
ثَوْبًا (٥٩)

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, ta’atilah Allah dan ta’atilah Rasul (Nya), dan *üli al-amri* antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (al-Sunnah), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari

kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”

Terjemahan Surah *al-Nisā'* (4):59.

Rasulullah S.A.W. juga telah bersabda:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أنه سمع رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: من أطاعني  
فقد أطاع الله ومن عصاني فقد عصى الله ومن أطاع أمرى فقد أطاعني ومن عصى  
أمرى فقد عصاني

Maksudnya:

Daripada Abū Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah S.A.W. bersabda: “Barang siapa yang mentaatiku maka dia telah mentaati Allah, dan barang siapa yang menderhakaiku, maka ia telah menderhakai Allah. Dan barang siapa yang mentaati pemimpin (pengganti Rasulullah) maka dia telah mentaatiku, dan barang siapa yang menderhakai pemimpin ku maka dia telah menderhakaiku”.<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

Daripada penjelasan di atas, terdapat suatu kunci dalam merealisasikan ayat ini dalam kehidupan semasa, iaitu dalam menghadapi kemajuan zaman mestilah diikuti pula oleh kemajuan dalam memahami ayat-ayat Allah serta Sunnah Rasul, agar dalam kemajuan tersebut sudah mendahulukan petunjuk Allah S.W.T., sehingga firman Allah dan Sunnah Rasul sentiasa berada di depan dan membimbing, sebelum mendahulukan yang lain.

<sup>1</sup> Ahmad bin ‘Ālī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t.), *Faṭḥ al-Bārī*, Bayrut, Lubnān: Dār al-Fikr, J. 6, hadith no.2957, h.116.

Mendahulukan hukum Allah dalam mengatasi berbagai-bagai permasalahan, merupakan suatu bentuk penyelesaian yang sangat tepat. Sebaliknya apabila dalam memecahkan permasalahan berpaling daripada hukum yang telah Allah tetapkan, maka Allah akan menimpa musibah kerana perbuatan yang tidak tepat tersebut. Firman Allah menyatakan:

وَإِنِّي أَخْكُمُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَشْيِعُ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرُوهُمْ أَنْ يَفْتَنُوكُمْ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ فَإِنْ تُؤْكِلُوا فَاعْلَمُ أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضٍ ذُكُورِهِمْ وَإِنْ كَثِيرًا مِنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ (٤٩) أَفَحُكْمُ الْجَاهِلِيَّةِ يَسْعُونَ وَمَنْ أَحْسَنَ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقَنُونَ (٥٠)

Maksudnya:

“Dan hendaklah kamu memutuskan perkara antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu daripada sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu. Jika mereka berpaling (daripada hukum yang telah diturunkan Allah), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah menghendaki akan menimpa musibah kepada mereka disebabkan sebahagian dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia ialah orang-orang yang fasiq. Apakah hukum jahiliyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin?”. Terjemahan Surah *al-Māidah* (5):49-50.

Dalam pembahasan ayat-ayat di atas, Allah menjelaskan sesuatu yang bertentangan dengan hukum Allah iaitu yang disebut hukum *tāghūt*. Sebahagian ulama mengertikan hukum *tāghūt* adalah setiap bentuk penyembahan selain daripada

Allah, serta setiap yang membolehkan mengikuti serta mentaati selain daripada ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya, maka dialah *tāghūt*.<sup>1</sup>

Bentuk *tāghūt* dalam kehidupan semasa begitu kompleks. Pelbagai dimensi kehidupan manusia pada abad moden ini mengakibatkan kehidupan tidak terlepas daripada *tāghūt* yang terdapat dalam pelbagai bentuk. Justeru konsep kembali pada al-Qur'an dan al-Sunnah amatlah tepat, dalam menghadapi kehidupan yang demikian itu.

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمٌ فَلَمْ يُؤْمِنُوا بِهِ فَلَمْ يَعْمَلُوهُ وَلَا تَشْعُرُوا إِنَّهُ شَيْءٌ فَقِيرٌ فَيُكَفِّرُهُمْ عَنِ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ  
وَصَاحُبُهُمْ لَهُمْ شَفُونَ (١٥٣)

Maksudnya:

"Dan bahawa (yang Kami perintahkan) ini ialah jalan-Ku yang lurus, maka ikutilah dia; dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalan-Nya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertakwa."

Terjemahan Surah *al-An'ām* (6):153.

### III.4.1.B. Kesimpulan ayat.

Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa ayat pertama dalam surah *al-Hujurāt* ini mengandungi suatu pelajaran berupa larangan mendahului perintah Allah dan Rasul-Nya. Larangan mendahului perintah Allah dan Rasul-Nya dalam erti yang lebih luas, adalah seperti mengambil suatu keputusan tanpa melihat

<sup>1</sup> Al-Anṣāri (1984), *op.cit.*, h. 255.

perintah Allah dan Rasul-Nya. Atau menetapkan suatu hukum tanpa melihat pelbagai hukum yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

### **III.4.2. Penjelasan ayat 2 dan 3.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَمِلُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرٍ  
بَخْضُكُمْ لِيَغْضِبُ أَنْ تَجْهِزَ أَعْمَالَكُمْ وَأَثْنَمْ لَا تَشْعُرُونَ(۲) إِنَّ الَّذِينَ يَغْضِبُونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ  
رَسُولِ اللَّهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ اتَّهَمَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِتَقُولُوا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَخْرَى عَظِيمٌ(۳)

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih daripada suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara keras sebagaimana kerasnya (suara) sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain, supaya tidak hapus (pahala) amalanmu sedangkan kamu tidak menyedari. Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertakwa. Bagi mereka keampunan dan pahala yang besar”.

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49):2-3.

### **III.4.2.A. Sebab turunnya ayat.**

Ayat ini menjelaskan tentang adab yang kedua dalam Surah *al-Hujurāt*, iaitu tidak meninggikan suara di hadapan Rasulullah S.A.W.. Turunnya ayat ini adalah mengenai terjadinya perdebatan antara Abū Bakar dengan Sayidina Umar di hadapan Rasulullah S.A.W., sehingga dalam perdebatan tersebut mereka telah meninggikan

suara di hadapan Baginda. Kejadian ini dihuraikan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Bukhārī, iaitu:

عَنْ أُبَيِّ مُلِيكَةَ قَالَ كَادَ الْخِرْبَانَ أَنْ يَهْلِكَا أَبُو بَكْرٌ وَعُمَرٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، رَفَعَا أَصْوَاتَهُمَا إِنْدَ الْتِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ قَدِمَ عَلَيْهِ رَكِبُ بْنِ قَيْمٍ، فَأَشَارَ أَحَدُهُمَا بِالْأَقْرَعِ بْنِ حَابِسٍ أَخِيهِ بْنِ جَاعِشَ، وَأَشَارَ الْآخَرُ بِرَجُلٍ آخَرَ – قَالَ نَافِعٌ لَا حَفْظُ أَسْمَاءِ – فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ لِعُمَرَ: مَا أَرَدْتُ إِلَّا عِلْمًا، قَالَ: مَا أَرَدْتُ خِلَاقَكَ، فَأَرْفَعْتَ أَصْوَاتَهُمَا فِي ذَلِكَ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ (بِإِيمَانِ الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ) الْآيَةَ. فَمَا كَانَ عُمَرُ يَسْمَعُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ هَذِهِ الْآيَةِ حَتَّى يَسْتَهِمْهُ، وَلَمْ يَذْكُرْ ذَلِكَ عَنْ أَيِّهِ. يَعْنِي أَبَا بَكْرٍ.

Maksudnya:

“Diterima daripada Abū Mulaykah, dia telah berkata, “Hampir-hampir dua orang sahabat yang terpilih, iaitu Abū Bakar r.a. dan ‘Umar r.a. binasa, kerana kedua-duanya telah meninggikan suara di hadapan Nabi S.A.W., ketika telah datang seseorang dari tempat yang jauh, iaitu seorang daripada Bani Tamīm kepada Nabi S.A.W.. Maka salah seorang dari kedua-dua sahabat itu mengusulkan supaya Aqra’ bin Hābis saudara Bani Mujāsyi’, dan sahabat yang lain mengusulkan orang yang lain – Nāfi’ berkata: “saya tidak ingat namanya”. Dan berkatalah Abū Bakar kepada ‘Umar: “Anda tidak bermaksud melainkan ingin menentangku”. Maka ‘Umar berkata: “Saya tidak bermaksud menentangmu”. Maka berdebatlah kedua-duanya sehingga suara mereka sama-sama keras, maka turunlah ayat ini (*Hai orang-orang yang beriman janganlah engkau meninggikan suaramu...*).<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

Dalam riwayat lain yang diriwayatkan oleh Imām al-Tirmidhi:

<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (t.t.), *op.cit.*, J. 8, hadith no. 4845, h.590.

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيرٍ أَنَّ الْأَقْرَعَ بْنَ حَابِسَ قَدِمَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِسْتَعْمِلْهُ عَلَى قَوْمِهِ، فَقَالَ عَمَرٌ لَا تَسْتَعْمِلْهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَكَلَّمَاهُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى ارْتَقَعَتْ أَصْوَاهُمْ، فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ لِعَمِرَ مَا أَرَدْتَ إِلَيْهِ لِأَخْلَاقِ فَقَالَ عَمَرٌ مَا أَرَدْتُ لِخَلَاقَكَ، قَالَ فَرَأَتْهُ هَذِهِ الْآيَةُ (يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ) قَالَ وَكَانَ عَمَرٌ بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا تَكَلَّمَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَسْمَعْ كَلَامَهُ حَتَّى يُسْتَفْهِمَهُ قَالَ وَمَاذَكَرَ أَبْنَ الزُّبَيرِ جَدَهُ يَعْنِي أَبَا بَكْرٍ.

Maksudnya:

“Telah menceritakan kepadaku ‘Abd Allah bin Zubayr sesungguhnya Aqra’ bin Habis telah datang kepada Nabi S.A.W. dan berkata Abū Bakar: “Ya Rasulullah, jadikanlah dia sebagai kepala rombongan untuk kaumnya”, maka berkata ‘Umar: “Jangan jadikan dia ya Rasulullah !”. Maka berkatalah keduanya di hadapan Rasulullah S.A.W. sehingga suara kedua-duanya keras. Maka berkata Abū Bakar kepada ‘Umar: “Anda tidaklah bermaksud kecuali menentangku”. Berkata ‘Umar: “Saya tidak bermaksud menentangmu”. Maka turunlah ayat ini (*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih dari suara Nabi...*). ‘Abd Allah bin Zubair berkata, Sayyidinā ‘Umar r.a. setelah turunnya ayat ini apabila dia bercakap di hadapan Rasulullah tidaklah dia mendengarkannya sehingga dia memahaminya”.<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat al-Tirmidhi.

Diceritakan juga berkenaan dengan salah seorang sahabat yang bernama Thābit bin Qays, seperti yang dijelaskan dalam hadith yang diterima daripada Anas bin Mālik, bahawa Rasulullah S.A.W. mencari Thābit bin Qays, maka berkata salah seorang sahabat: ”Ya Rasulullah sesungguhnya aku tahu tentang Thābit bin Qays.

<sup>1</sup> Imām Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah al-Tirmidhi (t.t.), *Sunān al-Tirmidhi*, J. 7, Madīnah: Saḥīb al-Maktabah al-Salafiyah, h. 63.

Kemudian sahabat itu pergi menemui Thābit bin Qays, dan dia menemuinya ketika Thābit bin Qays sedang duduk di rumahnya. Lalu sahabat itu bertanya kepadanya: "Apa yang terjadi pada engkau?". Thābit menjawab: "Keburukan!". Lalu dia menceritakan keadaannya bahawa dia telah meninggikan suaranya di atas suara Nabi S.A.W. sehingga sia-sialah amalannya, dan dia mengatakan bahawa dia dari kalangan ahli Neraka. Maka datanglah sahabat itu kepada Nabi S.A.W., dan dia menceritakan apa-apa yang telah diceritakan oleh Thābit bin Qays kepadanya. – berkata Müsa, maka sahabat itu kembali sekali lagi dengan membawa berita besar. – Maka bersabda Rasulullah: "Pergilah kepadanya (Thābit bin Qays), dan ceritakan kepadanya bahawa dia bukan dari kalangan ahli Neraka, akan tetapi dia dari kalangan ahli Syurga"<sup>1</sup>.

### **III.4.2.B. Pentafsiran ayat.**

Pada ayat kedua surah *al-Hujurāt* ini mengandungi dua larangan, yang pertama adalah larangan meninggikan suara lebih daripada suara Nabi, dan larangan yang kedua adalah larangan berkata kepada Baginda dengan suara keras. Larangan meninggikan suara dalam ayat di atas, menurut Imām Fakhr al-Rāzī, mengandungi tiga larangan. Yang pertama, adalah makna hakikat (daripada kata tersebut), iaitu larangan meninggikan suara, kerana meninggikan suara itu menunjukkan kurangnya adab sopan santun dan hilangnya penghormatan. Yang kedua, menunjukkan larangan

<sup>1</sup> Al-'Asqalāni (t.t.), *op.cit.*, J. 8, , ḥadith no. 4846, h. 590. Lihat juga pada; Abī al-Hasan Ali bin Ahmad al-Wahīdī al-Naysābūrī (1968), *Aṣbāb al-Nuṣūl*. Qahirah: Muassasah al-Ḥalabiy wa Syirkah li al-Nasyr wa al-Tauzi', h. 258.

banyak bicara, dan yang ketiga adalah larangan meninggikan suara melebihi suara Nabi.<sup>1</sup>

Sementara dalam ayat di atas mengenai larangan berkata kepada Nabi dengan perkataan yang keras, menurut Imām al-Fakhr al-Rāzī bahawa hendaklah seseorang berbicara dengan Nabi itu seperti seseorang berbicara dengan tuannya.<sup>2</sup> Keadaan ini menunjukkan penghormatan yang sangat tinggi kepada Baginda, sehingga mesti dibezakan ketika berkata kepadanya dan kepada orang lain.

Allah S.W.T. menempatkan kedudukan yang sedemikian tinggi kepada Nabi, sehingga tataadab dan sopan santun dalam berbicara kepadanya pun diatur dalam al-Qur'an. Ini kerana penghormatan kepada Baginda akan mempengaruhi penghormatan orang tersebut kepada Allah, seperti yang telah dijelaskan di atas. Tambahan pula, Nabi merupakan orang yang mesti lebih diutamakan lebih daripada orang lain, seperti dalam firman-Nya:

الَّتِي أُولَئِي بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ

Maksudnya:

“Nabi itu (hendaknya) lebih utama bagi orang-orang mukmin daripada diri mereka sendiri dan isteri-isterinya ialah ibu-ibu mereka...”.

Terjemahan Surah *al-Ahzāb* (33):6.

<sup>1</sup> Imām al-Fakhr al-Rāzī (t.t.), *al-Tafsīr al-Kabīr*, J. 27, Tahrān: Dār al-Kutub al-'Alamiyah, h.112.

<sup>2</sup> *Ibid*, J. 27, h.113.

Dalam ayat ini nampak bahawa etika berbicara dengan orang yang dimuliakan oleh Allah mestilah menggunakan adab sopan santun serta budi bahasa yang mengandungi penghormatan yang tinggi. Dalam menghormati serta mengagungkan seseorang ketika bercakap, suara orang yang berbicara hendaklah mesti lebih rendah daripada suara orang yang mendengarkan.<sup>1</sup>

Ayat ini juga mengarah pada pembahasan yang dikhususkan tentang gugurnya amal yang akan membawa pada bentuk kekufuruan. Menurut al-'Allāmah al-Ṭabātabā'i dalam tafsirnya, beliau mengatakan bahawa meninggi dan mengeraskan suara di atas suara Nabi S.A.W. bukanlah sebab yang menggugurkan amal, tetapi kerana cara penyampaianya dapat menyakiti hati Nabi, dan menyakitinya adalah bentuk kekufuruan, dan kekufuruan itu akan menghapuskan amal.<sup>2</sup>

Sementara itu, menurut sebahagian ulama yang lain, bahawa ayat ini menunjukkan larangan meninggikan suara secara mutlak, kerana dengan penyampaian cara yang demikian itu akan menyakiti hati Nabi, dan itu adalah bentuk kekufuruan serta akan menghapuskan amal.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Al-Ṭabāṭabā'i (1991), *op.cit.*, J. 18, h. 312.

<sup>2</sup> *Ibid.*, J. 18, h. 313.

<sup>3</sup> *Ibid.*

Kesimpulan daripada dua pendapat yang berbeza ini bahawa bersuara tinggi serta keras di atas suara Nabi sama ada menyakiti atau tidak adalah dilarang,<sup>1</sup> kerana keadaan seperti itu akan menghilangkan sikap hormat kepadanya.

Sebahagian para ulama ketika melihat ayat ini, berpendapat bahawa larangan dalam ayat tersebut adalah larangan meninggikan suara di makam Nabi dan di majlis-majlis para ulama, kerana mereka ialah pewarikh Nabi.<sup>2</sup> Bahkan al-Qādi Abū Bakar bin al-‘Arabi seperti yang dikutip oleh al-Qurtubi, mengatakan bahawa penghormatan kepada Rasulullah S.A.W. setelah wafat sama dengan penghormatan ketika Baginda masih hidup, sehingga ketika dibacakan perkataannya berupa hadith Nabi, maka diwajibkan kepada setiap yang hadir tidak meninggikan suara.<sup>3</sup>

Selanjutnya ayat ketiga menerangkan tentang mereka yang merendahkan suara ketika berhadapan dengan Nabi S.A.W. ialah mereka yang telah diuji hati mereka untuk memperoleh gelaran takwa.

Hikmah yang dapat kita ambil daripada ayat di atas, adalah penghormatan Allah S.W.T. kepada Rasul-Nya, sehingga orang lain mesti membezakan ketika berbicara dengan Nabi dan ketika berbicara dengan orang lain. Jelas kelihatan bagaimana penghormatan para sahabat kepada Rasulullah S.A.W. sehingga mereka

<sup>1</sup> Al-Tabātabā'i (1991), *op.cit.*, J. 18, h. 313.

<sup>2</sup> Al-Qurtubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 202.

<sup>3</sup> *Ibid.*

tidak berani meninggikan suaranya melebihi suara Baginda setelah ayat ini diturunkan.

Penghormatan terhadap Rasulullah S.A.W. bukan hanya ketika Baginda masih hidup sahaja, malah penghormatannya adalah abadi. Pernah suatu ketika Sayyidinā ‘Umar ibn al-Khattāb menemui dua orang yang bersuara keras di makam Rasulullah S.A.W.. Sayidinā ‘Umar menghampiri kedua-dua orang itu dan bertanya: ”Tahukah di mana kamu berada sekarang, dan dari mana asal kamu berdua?”. Mereka menjawab: ”Kami dari Ṭāif”. ‘Umar berkata: ”Jika kamu orang Madinah tentu akan saya pukul dengan teruk”.<sup>1</sup>

Penghormatan kepada Rasulullah S.A.W. yang sedemikian tinggi itu, membuktikan keluhuran budi pekerti Baginda sehingga ketika para sahabat berbicara dengannya mesti dengan perkataan yang mengandungi penghormatan. Allah berfirman:

لَ تَحْجُلُوا دُعَاء الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَذُعَاء بَعْضِكُمْ بَعْضاً

Maksudnya:

”Janganlah kamu jadikan panggilan Rasul antara kamu seperti panggilan sebahagian kamu kepada sebahagian (yang lain)...”.

Terjemahan Surah *al-Nūr* (24):63.

<sup>1</sup> Ibn Kathīr (1984), *op.cit.*, J. 6 h. 370.

Penghormatan yang tinggi dalam perkataan dapat dilakukan dengan cara melembutkan dan merendahkan suara di hadapan Rasulullah S.A.W., ini merupakan inti perintah Allah dalam ayat di atas. Hal ini demikian, untuk mencegah jangan sampai Allah murka sehingga akan mengakibatkan gugurnya pahala amal seseorang. Orang yang telah merendahkan suaranya di hadapan Nabi S.A.W., merupakan orang yang telah teruji hatinya untuk mendapatkan nilai-nilai ketakwaan. Hadith Nabi menyatakan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الْعَبْدَ لَيَكْتَلَمُ بِالْكَلِمَةِ مِنْ رِضْوَانِ اللَّهِ لَا يَلْقَيْهَا بَالًا بِرَفْحَةِ اللَّهِ هَا دَرَجَاتٌ وَإِنَّ الْعَبْدَ لَيَكْتَلَمُ بِالْكَلِمَةِ مِنْ سُخْنِ اللَّهِ لَا يَلْقَيْهَا بَالًا يَهُوَيْهَا فِي جَهَنَّمَ

Maksudnya:

“Diterima daripada Abū Hurairah r.a., dari Nabi S.A.W. bahwasanya Beliau bersabda: “Sesungguhnya seorang hamba apabila mengatakan sesuatu perkataan yang diredayai Allah, tidak akan ditimpakan baginya keadaan, melainkan akan diangkat derajatnya oleh Allah. Dan sesungguhnya apabila seorang hamba mengatakan suatu perkataan yang dibenci Allah, tidak akan ditimpakan baginya keadaan, melainkan akan diberumuskannya ke dalam Neraka Jahanam””<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

### III.4.2.C. Kesimpulan ayat.

Kesimpulan yang dapat diambil daripada ayat ke 2 dalam huraian di atas adalah larangan meninggikan suara kepada Rasulullah S.A.W. ketika berkata dengannya. Hal ini kerana dalam diri Rasulullah S.A.W. terdapat suatu kemulian

<sup>1</sup> Al-Asqalāni (t.t.), *op.cit.*, J. 11, hadith no.6478, h.308.

yang tidak ada pada orang lain, sehingga ketika berkata dengan Baginda mesti dibezakan dengan orang lain. Dengan merendahkan suara kepadanya terdapat makna penghormatan, dan berlaku sebaliknya jika meninggikan suara kepadanya bererti sudah tidak ada lagi nilai penghormatan.

Tidak ada nilai penghormatan inilah yang akan mengakibatkan hpusnya pahala amal baik seseorang. Dalam ayat ketiga, Allah mensifatkan orang-orang yang merendahkan suara kepada Nabi merupakan orang-orang yang telah diuji hati mereka untuk bertakwa. Balasan bagi mereka ialah keampunan dan pahala yang besar.

### III.4.3. Penjelasan ayat 4 dan 5.

إِنَّ الَّذِينَ يُتَادُونَكَ مِنْ وَرَاءِ الْحُجُّرَاتِ أَكْثُرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ (٤) وَأُولُو أَنْفُسِهِمْ صَبَرُوا حَتَّىٰ  
تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ (٥)

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang memanggil kamu dari luar kamar (mu) kebanyakan mereka tidak mengerti. Dan kalau sekiranya mereka bersabar sampai kamu ke luar menemui mereka sesungguhnya itu adalah lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49): 4-5.

### III.4.3.A. Sebab turunnya ayat.

Ayat ini diturunkan ketika suatu peristiwa yang berlaku kepada rombongan Bani Tamim ketika mereka datang untuk menemui Rasulullah S.A.W. pada tahun kesembilan Hijriyah iaitu tahun yang dikenali dengan nama tahun rombongan-rombongan. Pada tahun ini berbagai-bagai rombongan orang Arab dari setiap tempat datang menemui Rasulullah S.A.W. dan menyatakan memeluk Islam.<sup>1</sup> Seperti yang dijelaskan oleh al-Naysābūriy<sup>2</sup> di bawah ini:

قَالَ مُحَمَّدٌ بْنُ إِسْحَاقَ وَغَيْرُهُ : نَزَلَتْ فِي حَفَّةٍ بَيْنَ ثَمَيمٍ ، قَدِيمٍ وَفَدِ الْمِهْمَةِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدَخَلُوا الْمَسْجِدَ ، فَنَادَوْا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ وَرَاءِ حُجْرَتِهِ أَنَّ أَخْرَجَ إِلَيْنَا يَا مُحَمَّدَ ، فَإِنَّ مَدْحَنَاهُ زَيْنٌ وَإِنَّ ذَمَنَاهُ شَيْنٌ ، فَأَذَى ذَلِكَ مِنْ صَيَاحِهِمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَخَرَجَ إِلَيْهِمْ ، فَقَالُوا: إِنَّا جِئْنَاكَ يَا مُحَمَّدَ نَفَارِخُكَ وَنَزَلْنَا فِيهِمْ - إِنَّ الَّذِينَ يَنَادُونَكَ مِنْ وَرَاءِ الْحُجْرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ - وَكَانَ فِيهِمُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِيسٍ وَعَيْنَةُ ابْنِ حَصْنٍ وَالزُّبْرَقَانُ بْنُ بَدِيرٍ وَقَوْسَيْنُ بْنُ عَاصِمٍ .

Maksudnya:

“Telah berkata Muhammad bin Ishāq beserta yang lainnya: ayat ini diturunkan berkenaan celaan yang ditujukan kepada Bani Tamim, iaitu ketika datang utusan daripada mereka kepada Nabi S.A.W., kemudian mereka masuk ke dalam masjid dan mereka memanggil Nabi S.A.W. di luar bilik Baginda: “Keluarlah kepada kami wahai Muhammad!, sesungguhnya pujian kami sangatlah baik, dan sesungguhnya celaan kami amatlah buruk”. Maka teriakan mereka menyakiti Nabi S..A.W., kemudian Baginda keluar untuk menemui mereka. Mereka berkata:

<sup>1</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h.3340.

<sup>2</sup> Al-Naysābūriy (1968), *op.cit.*, h. 259.

"Sesungguhnya kami datang kepada mu wahai Muḥammad untuk memujimu". Maka turunlah ayat ini berkenaan dengan mereka - *Sesungguhnya orang-orang yang memanggil kamu dari luar kamar (mu) kebanyakannya mereka tidak mengerti* – dan termasuklah di antara mereka adalah al-Aqra' bin Ḥabis, 'Uyaynah bin Haṣn, al-Zubarqān bin Badr, dan Qays bin 'Āsim.

Adapun Hadith yang dikutip oleh al-Qurtubi menyatakan dalam cerita yang berbeza, seperti yang dijelaskan di bawah ini:

روي زيد بن أرقام فقال: أتى الناس النبي صلی الله عليه وسلم فقال بعضهم لبعض : انطلقوا بنا إلى هذا الرجل، فإن يكن نبيا فنحن أسعد الناس باتباعه ، وإن يكن ملكا نعش في جنابه. فأتوا النبي صلی الله عليه وسلم فجعلوا ينادونه وهو في حجرته : يا محمد ، يا محمد ، فأنزل الله تعالى هذه الآية .

Maksudnya:

Diriwayatkan daripada Zayd bin Arqām dia telah berkata. telah datang orang-orang kepada Nabi S.A.W. dan berkata sebahagian mereka kepada sebahagian yang lain: "Pergilah kamu sekalian dengan kami kepada orang ini (Nabi S.A.W.), maka jika dia itu ialah Nabi maka kamilah yang orang paling berbahagia apabila mengikutinya, dan apabila dia ialah malaikat, kami akan hidup di sisinya". Maka datanglah mereka kepada Nabi S.A.W. dan mereka memanggilnya sedangkan Baginda sedang berada di dalam biliknya: "Wahai Muḥammad, wahai Muḥammad." Maka Allah menurunkan ayat ini.<sup>1</sup>

Sementara itu al-Tirmidī meriwayatkan seperti pada penjelasan di bawah ini:

<sup>1</sup> Al-Qurtubi, (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 204.

عَنْ الْعَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ فِي قُولِهِ تَعَالَى (إِنَّ الَّذِينَ يَنادُونَكَ مِنْ وَرَاءِ الْمُحْرَاتِ) قَالَ ((فَامْرَأْ حَلًّا)). فَقَالَ يَارَسُولَ اللَّهِ إِنَّ حَدِيَ زَيْنَ وَإِنَّ ذَمِيَ شَيْنَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَلِكَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ))

Maksudnya:

"Diterima daripada al-Barā' bin 'Āzib mengenai firman Allah (*Sesungguhnya orang-orang yang memanggil kamu dari luar bilik...*), dia berkata: Telah berdiri seseorang, dan berkata: "Hai Rasulullah! sesungguhnya pujiaku amatlah baik, dan celaanku amatlah buruk". Maka bersabda Nabi S.A.W.: "Yang berhak seperti itu hanya Allah 'azza wa Jalla"."<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat al-Tirmidhi.

### III.4.3.B. Pentafsiran ayat.

Pada ayat kedua seperti yang telah diterangkan di atas, Allah menjelaskan larangannya terhadap bentuk kerendahan adab sopan santun serta keburukan tataadab kepada Nabi dalam bentuk meninggikan suara di atas suara Baginda, serta larangan berkata kepadanya dengan suara yang keras. Maka pada ayat keempat ini Allah mengecam orang-orang Arab Badwi yang memanggil Rasulullah S.A.W. dengan kasar di luar bilik-bilik dari rumah isteri-isterinya, dan ini merupakan bentuk kerendahan adab sopan santun atau keburukan tataadab terhadap Rasulullah S.A.W. yang semestinya dimuliakan dan dihormati. Mereka yang

<sup>1</sup> Al-Tirmidhi (t.t.), *op.cit.*, J. 5, hadith no. 3320, h.63.

memanggil Rasulullah S.A.W. seperti itu disifatkan sebagai orang yang tidak berfikir.<sup>1</sup>

Imām al-Fakhr al-Rāzī menjelaskan dalam tafsirnya, bahawa bentuk panggilan itu sekurang-kurangnya mengandungi dua aspek; pertama adalah untuk menarik perhatian orang yang dipanggil, manakala yang kedua adalah untuk menjelaskan hajat kepada yang dipanggil.<sup>2</sup> Jika dilihat pada sebab turun ayat ini, sahabat yang memanggil Rasulullah S.A.W. itu adalah bermaksud untuk menyampaikan hajatnya kepada Baginda. Namun kerana mereka tidak mengetahui adab sopan serta tatatertib kepada Rasulullah S.A.W. sehingga mereka memanggil seperti itu.

Namun pada akhir ayat kelima, Allah menjelaskan sifat-sifat -Nya iaitu Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Maksudnya supaya mereka yang memanggil Rasulullah S.A.W. seperti itu, bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah kerana Dia Maha Pengampun sehingga jangan sampai perbuatan mereka seperti itu akan menghapuskan pahala amal-amal mereka di hadapan Allah.

Selanjutnya Allah menerangkan suatu contoh tataadab yang baik, yang dijelaskan dalam ayat yang kelima. Iaitu jika mereka bersabar menunggu sehingga

<sup>1</sup> Al-Tabātabā'i (1991), *op.cit.*, J. 18, h. 315.

<sup>2</sup> Al-Rāzī (t.t.), *op.cit.*, J. 27, h.116.

Rasulullah S.A.W. keluar dari rumahnya tentulah yang demikian itu lebih baik untuk mereka di dunia dan akhirat.<sup>1</sup>

Meskipun Rasulullah S.A.W. tidak dipanggil seperti itu, tapi sudah tentu Baginda akan keluar dari rumahnya untuk menemui sahabat-sahabatnya. Sifat sabar menunggu sehingga Baginda keluar dari rumahnya, itu lebih baik daripada mereka berteriak memanggil kerana mungkin Baginda sedang istirahat atau sedang berkumpul dengan keluarganya.

### **III.4.3.C. Kesimpulan ayat.**

Pada ayat keempat yang telah diuraikan di atas, dapat diambil suatu kesimpulan bahawa ayat tersebut menjelaskan perilaku yang tidak memperhatikan tataadab sewaktu berbicara dengan Rasulullah S.A.W. seperti yang telah dijelaskan pada ayat kedua dan ketiga.

Perilaku yang tidak memperhatikan tataadab ini ditunjukkan dengan cara memanggil Nabi di luar bilik Baginda. Cara seperti ini merupakan suatu bentuk kerendahan adab sopan santun kepada Nabi. Selanjutnya, pada ayat kelima Allah menjelaskan bahawa sekiranya mereka bersabar, dan menunggu sampai Rasulullah S.A.W. keluar dari bilik, maka yang demikian itu adalah cara yang lebih baik bagi mereka daripada berteriak memanggil di luar bilik.

---

<sup>1</sup> Ibn Kathir (1984), *op.cit.*, J. 6 h.371.

### III.4.4. Penjelasan ayat 6 sampai ayat 8.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَلُوا إِنْ حَمَاءَكُمْ فَاسِقٌ بَتَّأْ قَبَّلُوا أَنْ تُصْبِيُوا قَوْمًا بِحَهَالَةٍ فَصَبَّحُوا عَلَىٰ  
مَا فَعَلُوكُمْ نَادِيْمَ (۱) وَاعْلَمُوا أَنَّ فِيْكُمْ رَسُولَ اللَّهِ لَوْ بُطِّلَعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِنَ الْأَمْرِ لَعَلِمْ  
وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبِّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرُ وَالْفُسُوقُ وَالْعِصْيَانَ  
أُولَئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ (۷) فَضَلَّا مِنَ اللَّهِ وَنِعْمَةً وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (۸)

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan itu. Dan ketahuilah oleh mu bahawa di kalangan kamu ada Rasulullah. Kalau dia menuruti (kemahuan) kamu dalam beberapa urusan benar-benarlah kamu akan mendapat kesusahan tetapi Allah menjadikan kamu cinta akan keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hatimu serta menjadikan kamu benci pada kekafiran, kefasikan dan kederhakaan. Mereka itulah orang-orang yang mengikuti jalan yang lurus, sebagai kurnia dan nikmat daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49): 6-8.

### III.4.4.A. Sebab turunnya ayat.

Terdapat beberapa riwayat sebab diturunkannya ayat ini, antaranya ialah:

1. Seperti yang diriwayatkan oleh Imām Alḥmad: Telah berkata kepadaku Muḥammad bin Sābiq, telah berkata kepadaku ‘Isā bin Dinār, telah berkata kepadaku Bapaku, sesungguhnya dia mendengar daripada Hārith bin Abī Darār al-Khazā’i r.a. telah berkata: “Aku telah datang kepada Rasulullah S.A.W., Baginda mengajakku kepada Islam, maka akupun masuk Islam dan berikrar kepadanya. Dan Baginda mengajakku

mengeluarkan zakat, maka aku pun ikrar akan zakat itu. Dan Aku berkata: "Ya Rasulullah S.A.W. aku akan pulang kepada kaumku, dan aku akan mengajak mereka kepada Islam dan akan mengajak supaya mereka mengeluarkan zakat, dan barang siapa yang menerima seruanku maka aku akan kumpulkan zakatnya, maka utuslah kepadaku salah seorang sahabat yang akan mengambil apa-apa yang telah aku kumpulkan daripada zakat". Maka ketika Hārith telah mengumpulkan zakat daripada orang-orang yang telah masuk Islam, dan dia akan menyampaikan kepada sahabat yang dikehendaki oleh Rasulullah S.A.W. untuk membawanya kepada Baginda. Akan tetapi sahabat utusan Rasulullah itu tidak datang kepadanya. Sehingga Hārith mengira bahawa Allah dan Rasul-nya telah marah. Maka berkatalah Hārith kepada kaumnya: "Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. pada suatu masa akan mengutus utusannya kepada ku untuk mengumpul dan mengambil zakat yang ada padaku, dan tidaklah ada kesalahan pada diri Rasulullah S.A.W., sementara sekarang utusannya itu tidaklah nampak kecuali kerana beliau marah. Maka marilah kita pergi bersama-sama untuk menemui Rasulullah S.A.W.".

Pada waktu yang sama, Rasulullah S.A.W. mengutus Walid bin 'Uqbah menemui Hārith untuk mengambil zakat yang telah dikumpulkannya. Ketika Walid bin 'Uqbah sampai di pertengahan perjalanan, timbulah rasa takut pada dirinya, lalu dia kembali kepada Rasulullah S.A.W. dan berkata kepadanya: "Ya Rasulullah sesungguhnya Hārith itu telah menahan zakat, dan dia bermaksud hendak membunuhku". Maka Rasulullah pun marah dan Baginda mengirim utusannya menemui Hārith. Utusan itu pergi hendak menemui Hārith dan sahabat-sahabatnya, maka ketika utusan itu baru saja keluar dari kota Madinah, mereka bertemu Hārith. Dan mereka berkata: "Apakah anda Hārith?". Maka Hārith menjawab: "Kepada siapa anda semua ini diutus?". Mereka menjawab: "Kami diutus kepadamu". Hārith berkata: "Kemudian ada apa?". Mereka menjawab: "Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. telah mengutus Walid bin 'Uqbah kepadamu, dan dia menganggap bahawa anda enggan membayar zakat serta anda hendak membunuhnya". Maka Hārith pun menjawab: "Demi Allah, yang Nabi Muhammad diutus dengan membawa kebenaran. Aku tidaklah melihat sama sekali utusan itu, dan tidak pernah juga menemuiku".

Kemudian pergila Hārith menemui Rasulullah S.A.W., ketika dia sampai kepada Rasulullah S.A.W., maka Baginda bersabda: "Engkau telah menahan zakat dan hendak membunuh utusanku?". Hārith menjawab: "Tidak, demi yang telah mengutusmu dengan membawa yang hak, saya tidaklah melihat utusamu dan tidak pula menjumpaiku,

kecuali Engkau telah menahan utusanmu kepadaku, aku takut Allah dan Rasul-Nya telah murka kepadaku. Akhirnya turunlah ayat ini.<sup>1</sup>

2. Diriwayatkan oleh ibn Jarīr daripada sanad al-'Awfi yang diterimanya daripada ibn 'Abbās r.a.. Berkenaan dengan ayat ini beliau berkata: "Telah diutus Walid bin 'Uqbah bin Abī Mu'īt oleh Rasulullah S.A.W. kepada Bani Mustalik untuk mengambil zakat daripada mereka, dan ketika telah datang berita kepada Bani Mustalik bahawa akan datang kepada mereka Walid bin 'Uqbah bin Abī Mu'īt untuk mengambil zakat daripada mereka, mereka sangat gembira dan mereka keluar dari rumahnya dengan maksud untuk menemui utusan Rasulullah S.A.W. tersebut. Ketika diceritakan kepada Walid bahawa Bani Mustalik keluar hendak menemuinya, dia pulang kepada Rasulullah S.A.W., dan berkata, "Ya Rasulullah sesungguhnya Bani Mustalik telah menahan zakat". Maka Rasulullah S.A.W. sangat marah mendengar berita itu, sehingga diceritakan bahawa Baginda akan memerangi mereka. Maka datanglah seorang delegasi kepada Rasulullah S.A.W. dan berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya kami memberitahukan bahawa utusan Baginda itu pulang semasa setengah perjalanan (tidak sampai kepada tempat Bani mustalik), dan sesungguhnya kami khawatir bahawa apa-apa yang Baginda putuskan itu kerana marahnya Baginda kepada kami, dan kami berlindung kepada Allah daripada murkanya Allah dan Rasul-Nya. Kemudian Nabi menemui mereka, dan turunlah ayat ini.<sup>2</sup>
3. Berkata Mujāhid dan Qatādah: Telah mengutus Rasulullah S.A.W. Walid bin 'Uqbah kepada Bani Mustalik untuk mengambil zakat daripada mereka. Maka mereka (Bani Mustalik) hendak menemuinya untuk membayar zakat, sementara Walid pulang kembali. Beliau mengatakan kepada Rasulullah S.A.W. bahawa Bani Mustalik telah berkumpul dan hendak memerangi Rasulullah S.A.W.. Qatādah menambahkan, mereka telah murtad daripada Islam. Maka Rasulullah S.A.W. mengutus Khālid bin Walid r.a. menemui Bani Mustalik, dan memerintahkannya supaya meneliti dan jangan terburu-buru.

Maka bertolaklah dia sehingga sampai kepada mereka waktu malam, maka Khālid bin Walid mengutuskan mata-mata. Dan ketika mereka pulang dikhabarkan kepada Khālid bahawa mereka masih berpegang pada Islam, mereka mendengarkan azan dan solat mereka. Maka ketika waktu subuh, pergilah Khālid kepada Bani Mustalik, dan Khālid melihatnya dan merasa takjub. Kemudian kembalilah Khālid

<sup>1</sup> Ibn Kathir (1984), *op.cit.*, J. 6, h.374. lihat juga pada: al-Naysābūriy (1968), *op.cit.*, h.261.

<sup>2</sup> Ibn Kathir (1984), *op.cit.*, J. 6, h.374.

kepada Rasulullah S.A.W. dan diceritakan kepadanya apa yang dia lihat, maka turunlah ayat ini. Qatādah berkata, maka bersabdalah Rasulullah S.A.W.:

الْتَّبَتُ مِنَ اللَّهِ وَالْعَيْلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ

“Sikap berhati-hati itu datangnya dari Allah dan terburu-buru itu datangnya daripada syaitan”.<sup>1</sup>

### **III.4.4.B. Pentafsiran ayat.**

Ayat ini menjelaskan tentang ketelitian terhadap berita yang dibawa oleh orang yang fasiq sebagai bentuk berhati-hati supaya tidak menghukumi sesuatu berdasarkan berita itu, kerana ditakutkan jika keadaan berita tersebut mengandungi kebohongan dan kesalahan. Maka sikap ketelitian ini diperlukan sebelum berlaku suatu yang akan mengakibatkan penyesalan.

Al-Fakhr al-Rāzī mengatakan bahawa ayat keenam daripada Surah *al-Hujurāt* ini menerangkan tentang kewajipan berhati-hati jika mempercayai perkataan orang-orang fasiq, kerana mereka menghendaki berlakunya fitnah antara orang-orang yang beriman<sup>2</sup>.

Tujuan ayat ini adalah umum, iaitu mengandungi dasar menyelidik dengan teliti segala berita yang diterima daripada orang fasiq. Bagi orang soleh, berita yang disampaikannya terima dan dipercayai kerana inilah yang menjadi dasar dalam

<sup>1</sup> Ibn Kathīr (1984), *op.cit.*, J. 6, h.374.

<sup>2</sup> Al-Rāzī (t.t.), *op.cit.*, J. 27, h.118.

kelompok orang-orang yang beriman. Perbuatan meragui secara mutlak terhadap segala sumber dan segala berita adalah bertentangan dengan dasar kepercayaan yang seharusnya wujud antara individu-individu kelompok orang yang beriman, kerana sikap seperti itu akan melumpuhkan perjalanan kehidupan dan peraturannya dalam masyarakat Islam, sedangkan Islam membiarkan kehidupan masyarakat itu berjalan mengikut perjalanan tabi'inya, dan Islam hanya mengadakan jaminan-jaminan serta kawalan-kawalan untuk memelihara perjalanan kehidupan itu sahaja, bukan untuk melumpuhkannya.<sup>1</sup>

Pada ayat ini terdapat suatu pengajaran yang sangat berharga dalam menanggapi suatu berita yang belum tentu kebenarannya seperti dalam peristiwa sebab turunnya ayat ini yang dijelaskan di atas, yang seolah-olah kelihatan setengah-setengah orang Islam pada waktu itu hendak bertindak secara terburu-buru sebaik sahaja mereka mendapat suatu berita yang belum diketahui kebenarannya.

Berkenaan dengan ayat ini sebahagian ulama melarang menerima suatu periyawatan yang tidak dikenal (*majhūl*) keadaannya, kerana takut mengandungi kefasiqkan dalam isi periyawatan itu. Sementara sebahagian ulama yang lain bersikap lunak, dengan mengatakan boleh menerimanya. Kerana dengan alasan bahawa ayat di atas mengarahkan kepada kita untuk meneliti terlebih dahulu berita

---

<sup>1</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h. 3341.

daripada orang fasiq tersebut, sementara berita yang tidak diketahui ini belum tentu fasiq melainkan kerana keadaannya tidak dikenal atau tidak diketahui (*majhūl*).<sup>1</sup>

Menurut al-Qurtubi dalam tafsirnya mengatakan bahawa ayat ini merupakan dalil diterima hadith *aḥad* (iaitu hadith yang diriwayatkan paling banyak oleh tiga orang perawi dan dibawah darjah hadith *mutawātir*) jika perawinya terbukti adil. Kerana ayat ini memerintahkan supaya meneliti berita yang disampaikan oleh seorang yang fasiq. Jika terbukti terdapat kefasiqkannya maka gugurlah ucapannya dalam hadith itu, kerana hadith merupakan amanah dan kefasiqkan merupakan suatu sebab yang menunjukkan keguguran hadith tersebut. Menurutnya juga, bahawa berita daripada seorang yang kafir boleh diterima jika terbukti terdapat ketetapan pada kebenaran berita itu daripada orang lain, maka yang demikian itu tidak boleh digugurkan pemberitaannya.<sup>2</sup>

Menurut al-Qurtubi lagi, ayat ini merupakan dalil yang membantalkan pendapat orang yang berkata: “Setiap orang muslim itu adalah adil sehingga dapat dibuktikan kecacatannya”, sebab kata al-Qurtubi, Allah memerintahkan agar meneliti terlebih dahulu sebelum diterima, dan bukan bermakna meneliti setelah diputuskan hukum. Jika hakim memutuskan hukum kepada seseorang sebelum diteliti maka orang itu telah dijatuhkan hukum tanpa landasan ilmu.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Ibn Kathīr (1984), *op.cit.*, J. 6, h. 372.

<sup>2</sup> al-Qurtubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 205.

<sup>3</sup> *Ibid.*

Apabila berlaku keputusan suatu hukum tanpa landasan ilmu atau kebodohan maka akan berakhir dengan penyesalan, kerana dalam bentuk apapun Allah melarang mengikuti sesuatu dengan tidak berlandaskan ilmu. Seperti firman-Nya yang menyatakan:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْقَوَادُ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ  
مَسْنُواً (٣٦)

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggunganjawabannya”.

Terjemahan Surah *al-Isrā* (17):36.

Untuk menghindari dari berbagai-bagai berita yang belum tentu kebenarannya, maka dalam ayat berikutnya Allah mengingatkan bahawa dalam lingkungan mereka terdapat seorang Rasul yang lebih dipercayai kebenarannya dan mempunyai sifat amanah yang akan membawa kepada suatu berita yang benar. Beliau hendaklah dihormati dan dipatuhi segala perintahnya, kerana Baginda lebih tahu dan lebih bersifat rahmah daripada mereka, serta pemikirannya lebih sempurna daripada mereka, seperti dalam firman Allah yang menyatakan:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَرِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَطَّشْتُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ  
رَحِيمٌ (١٢٨)

Maksudnya:

“Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul daripada kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan

Selanjutnya Allah S.W.T. menjelaskan kepada orang-orang yang beriman bahawa Dia menginginkan mereka bersyariatkan pada berita yang benar, kerana jika demikian Allah akan menjadikan mereka mencintai keimanan dan menghiasinya dalam hati mereka serta membenci segala bentuk kekafiran, kefasiqkan dan kederhakaan. Oleh sebab itu janganlah lupa bahawa di sekeliling mereka terdapat Rasul yang akan menghuraikan dan menjelaskan ayat-ayat-Nya dengan jalan yang benar dan tidak samar. Jadi, wajib ke atas mereka mentaati apa-apa yang diperintahnya,<sup>1</sup> dan sebaliknya apabila mereka mengikuti apa yang diinginkan oleh diri mereka sendiri, maka mereka akan mendapat kesusahan dan kesempitan, seperti dalam firman Allah yang menyatakan:

وَلَوْ أَتَيْتَ الْحَقُّ أَهْوَاعَهُمْ لَفَسَدَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ بِلْ أَتَيْتَهُمْ بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَنْ ذِكْرِهِمْ مُغَرَّضُونَ (٧١)

Maksudnya:

“Andaikata kebenaran itu menuruti hawa nafsu mereka, pasti binasalah langit dan bumi ini, dan semua yang ada di dalamnya. Sebenarnya Kami telah mendatangkan kepada mereka kebanggaan mereka tetapi mereka berpaling daripada kebanggaan itu”.

Terjemahan Surah *al-Mu'minūn* (23):71.

Sehingga pada ayat berikutnya iaitu pada ayat ketujuh, Allah S.W.T. menjelaskan: “*Tetapi Allah menjadikan kamu cinta akan keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hatimu serta menjadikan kamu benci pada kekafiran, kefasiqkan dan kederhakaan. Mereka itulah orang-orang yang yang mengikuti jalan*

<sup>1</sup> Al-Tabātabā'i (1991), *op.cit.*, J. 18, h. 317.

*yang lurus.*" Yang menarik perhatian di sini, ialah penjelasan Allah mengingatkan mereka bahawa Dia mahukan kebaikan itu untuk mereka dan membersihkan hati mereka daripada kejahatan, berupa kekufuran, kefasiqkan dan penderhakaan. Dan Dialah yang telah menjadikan mereka mendapat petunjuk sebagai satu kurniaan nikmat kepada mereka.<sup>1</sup>

Sebagai bukti daripada ayat ini, Allah telah menjadikan generasi awal kedatangan Islam sebagai generasi yang sentiasa menjadikan keimanan sebagai perhiasan dalam hatinya. Seperti dalam firman-Nya yang menyatakan:

وَالسَّابِقُونَ الْأُولُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ  
وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ  
الْعَظِيمُ (١٠٠)

#### Maksudnya

"Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) antara orang-orang *Muhājirin* dan *Anṣār* dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah reda kepada mereka dan mereka pun reda kepada Allah dan Allah menyediakan bagi mereka Syurga-Syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya; mereka kekal di dalamnya selamalamnya. Itulah kemenangan yang besar."

Terjemahan Surah *al-Tawbah* (9):100.

Terdapat juga hadith Nabi yang menyatakan:

---

<sup>1</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h. 3342.

قالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: خَرَجَ أَمِيرٌ قَرِبِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَاوْنَسُهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَنُهُمْ، قَالَ عِمَرَ: فَلَا أَدْرِي أَذْكُرَ بَعْدَ قَرْنَيْنِ أَوْ تَلَانَّا. ثُمَّ إِنَّ بَعْدَكُمْ قَوْمًا يَشْهِدُونَ وَلَا يَسْتَشْهِدُونَ وَلَا يُخْوِنُونَ وَلَا يُؤْمِنُونَ، وَيَنْدِرُونَ وَلَا يَوْفَونَ وَيَظْهَرُ فِيهِمْ السَّمْنُ

Maksudnya:

“Telah bersabda Rasulullah S.A.W., “Sebaik-baiknya umat adalah pada masaku, kemudian generasi setelahnya kemudian setelahnya”, - Berkata ‘Imrān, “Saya tidak tahu apakah Nabi menyebutkan setelah generasinya dua generasi atau tiga generasi” – “kemudian setelah kamu itu akan ada suatu kaum yang mereka menyaksikan kejadian tetapi mereka tidak mahu dijadikan sebagai saksi, dan mereka berkhianat serta tidak dapat dipercayai, dan mereka berjanji tetapi tidak memenuhiinya”.”<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

### III.4.4.C. Kesimpulan ayat.

Kesimpulan daripada huraian ayat di atas bahawa Allah memberikan suatu pengajaran kepada kita tentang pentingnya sikap menyelidik terhadap pelbagai berita yang disampaikan oleh orang yang tidak dikenal (fasiq). Sikap menyelidik ini penting kerana ini merupakan langkah untuk menghindari sikap menetapkan suatu hukum kepada suatu kaum berdasarkan maklumat yang tidak sahih.

Untuk menghindari pelbagai berita yang belum tentu kesahihannya, Allah mengingatkan bahawa dalam lingkungan mereka terdapat seorang Rasul yang dapat

<sup>1</sup> Al-‘Asqalānī (t.t.), *op.cit.*, J. 7, hadith no. 3650, h. 3.

diperdayai kebenarannya, kerana Baginda lebih tahu keadaan yang akan berlaku. Dan Allah S.W.T. menjelaskan juga kepada orang yang beriman bahawa Allah memerintahkan kepada mereka supaya mentaati Rasul-Nya, kerana jika menuruti kemauan mereka nescaya mereka mendapatkan kesusahan.

Rahmat Allah S.W.T. begitu besar, sehingga Allah menjadikan mereka mencintai keimanan dan menghiasinya dalam hati mereka, yang akhirnya mereka benci pada kekafiran dan kefasiqkan. Sekiranya manusia itu berserah diri kepada Allah dan masuk dalam Islam secara keseluruhan, serta reda dengan pilihan Allah untuknya dan yakin bahawa pilihan Allah lebih baik daripada pilihannya tentulah dia akan tenang dan tenteram dan dapat meneruskan perjalanan hidupnya yang pendek di muka bumi ini dengan aman tenteram. Dan ini merupakan suatu nikmat pemberian Allah yang dikurniakan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

### III.4.5. Penjelasan ayat 9 dan 10.

وَإِنْ طَائِفَتَا نِسْكَانٍ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ افْتَلُوا فَأَصْبِلُوهُا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَعْثَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأَخْرَى  
فَقَاتَلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّىٰ تَفْئِي إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْبِلُوهُا بَيْنَهُمَا بِالْعُدْلِ وَأَقْسِطُوا  
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ<sup>(٩)</sup> إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَجُوا فَأَصْبِلُوهُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَأَقْتُلُوا اللَّهَ  
أَعْلَمُ كُمْ تُرْحَمُونَ<sup>(١٠)</sup>

Maksudnya:

"Dan jika ada dua golongan daripada orang-orang mukmin berperang maka damaikanlah antara kedua-duanya. Jika salah satu daripada dua-dua golongan itu berbuat aninya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aninya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah; jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara kedua-duanya dengan adil dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua-dua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat."

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49): 9-10.

### III.4.5.A. Sebab turunnya ayat.

Menurut riwayat Anas bin Mālik, bahawa dia pernah bertanya kepada Rasulullah S.A.W.: "Wahai Nabi, kapan Engkau akan mendatangi 'Abd Allah bin Ubay?". Maka pergilah Rasulullah S.A.W. kepadanya dengan menaiki keldai sementara sahabat-sahabat pergi dengan berjalan kaki. Maka ketika Rasulullah sampai kepada 'Abd Allah bin Ubay, berkata dia kepada Nabi: "Engkau lebih tahu tentangku!, demi Allah sesungguhnya telah menyakitiku bau busuk keldaimu". Maka berkata salah seorang daripada sahabat Ansār, "Demi Allah, sesungguhnya keldai Rasulullah S.A.W. lebih harum baunya daripada engkau". Maka salah seorang membela untuk 'Abd Allah, dan terjadilah keadaan saling membela antara sahabat mereka berdua. Dan akhirnya berlakulah pergaduhan antara mereka sehingga saling memukul antara mereka dengan tanah, tangan dan terompah. Maka ayat ini turun berkenaan dengan kejadian tersebut.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Al-Naysābūriy (1968), op.cit., h. 263. Al-Qurtubī (1993), op.cit., J. 8, h.207.

Sementara itu menurut riwayat Sa'īd bin Jubayr bahawasanya pernah terjadi perselisihan antara suku 'Aus dan Khazraj. Mereka saling lempar dengan batu dan saling memukul dengan terompah, maka turunlah ayat ini sebagai perintah untuk mendamaikan mereka.<sup>1</sup>

### **III.4.5. B. Pentafsiran ayat.**

Ayat ini adalah satu dasar undang-undang amali untuk memelihara ketenteraman masyarakat Islam daripada pergaduhan dan perpecahan kerana didorong oleh tindakan-tindakan hawa nafsu dan tindakan-tindakan yang terburu-buru. Undang-undang ini dikemukakan selepas arahan supaya menyelidiki berita-berita yang disampaikan oleh orang yang fasiq dan supaya jangan bertindak gopoh mengikuti rasa fanatik dan keghairahan semangat sebelum mendapat maklumat yang benar dan yakin.<sup>2</sup>

Ayat ini juga merupakan dasar umum yang tegas untuk menghadapi beberapa kemungkinan berlakunya perperangan antara orang-orang yang beriman apabila terjadi konflik antara mereka.

---

<sup>1</sup> Ibn Kathīr (1984), *op.cit.*, j 6, h.378.

<sup>2</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h. 3343.

Dalam ayat ini juga dijelaskan tugas orang-orang beriman, yang bukan daripada puak orang yang beraslesih, supaya berusaha mendamaikan perselisihan antara dua puak tersebut. Jika salah satu daripada kedua-duanya bersikap zalim dan tidak mahu mengikut jalan yang benar, atau kedua-duanya bersikap zalim dan menolak usaha damai atau enggan menerima hukum Allah dalam masalah-masalah yang menjadi punca pertikaian mereka, maka wajiblah ke atas orang-orang mukmin yang mengusahakan perdamaian memerangi pihak-pihak yang zalim itu sehingga mereka kembali pada hukum Allah, iaitu menamatkan perseteruan dan menerima hukum Allah untuk menyelesaikan pertikaian dan perperangan itu. Cara ini merupakan usaha menolong kedua-dua pihak yang berseteru, sama ada puak yang dizalimi mahupun yang menzalimi. Seperti hadith Nabi yang menyatakan:

عَنْ أَنَّسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((اَنْصُرُ اَحَادِيكُمْ اَوْ مُظْلَمُومًا)), فَقَالَ الرَّجُلُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ اَنْصُرْهُ إِذَا كَانَ مُظْلَمُومًا، فَأَرْبَأْتَ إِذَا كَانَ طَالِمًا كَيْفَ اَنْصُرُهُ؟ قَالَ: ((تَعْجِزُهُ اُمْغَنِحُهُ مِنَ الظَّلِيمِ فَإِنَّ ذَلِكَ نَصْرَهُ))

Maksudnya:

“Diterima daripada Anas r.a. telah bekata: Telah besabda Rasulullah S.A.W.: “Tolonglah saudaramu yang zalim atau yang dizalimi”. Sahabat bertanya: “Ya Rasulullah, kami akan menolong yang dizalimi, maka bagaimana menolong orang yang zalim? Nabi bersabda: “Menghalangnya dan mencegahnya daripada perbuatan zalim, yang demikian itu adalah menolongnya”.

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

<sup>1</sup> Al-'Asqalāni (t.t.), *op.cit.*, J. 12, hadith no. 6952, h.323.

Jika puak yang berlaku zalim itu telah kembali ke jalan Allah maka wajib bagi orang yang beriman untuk mendamaikan (*islah*) antara dua puak yang bersengketa itu. Ini merupakan tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap manusia yang mengaku beriman, kerana yang demikian itu merupakan bentuk tanggungjawab sosial antara manusia untuk menjaga ketenteraman dan kedamaian.

Seperti dalam firman Allah yang menyatakan:

لَا خَيْرٌ فِي كَثِيرٍ مِّنْ تَحْوِيلِهِمْ إِلَى مَنْ أَمْرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ وَمَنْ يَفْعُلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاهُ اللَّهِ فَسَوْفَ تُؤْتَيهِ أَجْرًا عَظِيمًا (١٤)

Maksudnya:

“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat makruf, atau mengadakan perdamaian antara manusia. Dan barang siapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah, maka kelak Kami memberi kepadanya pahala yang besar.”

Terjemahan Surah *al-Nisā'* (4):114.

Jadi proses mencari penyelesaian daripada semua pertikaian antara kedua-dua puak yang bersengketa adalah dengan cara *islah*. Namun proses *islah* ini mesti memberikan penyelesaian yang dapat menguntungkan kedua-dua puak (*win-win solution*), ertinya proses berlaku adil dalam mendamaikan kedua-dua puak itu merupakan jalan keluar yang tepat bagi mereka yang berselisih. Hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Imām al-Nasā'i menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ الْمُقْسِطِينَ فِي الدُّنْيَا عَلَىٰ مَنَابِرَ مِنْ لُؤْلُؤٍ بَيْنَ يَدَيِ الرَّحْمَنِ عَزَّوَجَلَّ  
عِمَّا أَقْسَطُوا فِي الدُّنْيَا

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang yang berlaku adil di dunia akan duduk di atas mimbar daripada mutiara di hadapan Tuhan yang bersifat Rahmān, Azza wa Jalla, kerana keadilan mereka di dunia.”<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Ahmad bin Hanbal.

Dengan cara mendamaikan kedua-dua puak yang bersengketa tersebut bermakna membawa mereka kembali pada konsep persaudaraan sejati, iaitu ikatan persaudaraan yang diikat oleh persaudaraan agama.

Jadi apabila kita analisis inti daripada semua perpecahan, adalah bermula daripada hilangnya nilai persaudaraan antara mereka, manakala inti daripada segala perdamaian adalah jika persaudaraan dan kemesraan telah menjadi dasar dalam pergaulan mereka.

Sehingga pada ayat berikutnya Allah menjelaskan bahawa semua orang muslim itu bersaudara, maka dilarang untuk saling menzalimi atau saling memudaratkan antara satu dengan yang lain. Banyak hadith-hadith Nabi yang

<sup>1</sup> Al-Imām Ahmād bin Ḥanbāl (1982), *Musnād Ahmād bin Ḥanbāl*, J. 2, Istanbul, Turke: Cagri Yayınları, h. 159.

menjelaskan pernyataan ayat di atas, sebagaimana hadith-hadith di bawah ini yang menyatakan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْمُسْلِمُ أَخْوَالُ مُسْلِمٍ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. bersabda: Orang muslim adalah bersaudara dengan orang muslim yang lain, maka tidak boleh saling menzalimi dan saling menjerumuskan”.

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

Sementara hadith yang diterima dari Abū Hurairah menyatakan:

وَاللَّهُ فِي عَوْنَى الْمَرْءِ مَا كَانَ فِي عَوْنَى أَخِيهِ

Maksudnya:

“Dan Allah sentiasa melindungi hamba-Nya, selama dia melindungi saudaranya”.<sup>2</sup>

Terjemahan hadith riwayat Ahmad bin Hanbal.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحِمِهِمْ وَتَوَادِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ  
كَمِيلُ الْجَسِيدِ إِذَا اشْتَكَى عَضُُو تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسِيدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

Maksudnya:

“Telah bersabda Rasulullah S.A.W., “Engkau lihat orang-orang mukmin itu dalam kasih-sayang mereka adalah seperti tubuh yang satu, yang apabila terkena penyakit salah satu anggota tubuhnya, maka seluruh badannya akan merasakan sakit dan tidak dapat tidur serta demam”.”<sup>3</sup>

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

<sup>1</sup> Al-'Asqalāni (t.t.), *op.cit.*, J. 5, hadith no. 2442, h. 97.

<sup>2</sup> Ahmad bin Hanbal (1982), *op.cit.*, J. 2, h. 274.

<sup>3</sup> Al-'Asqalāni (t.t.), *op.cit.*, J. 10, hadith no. 6011, h. 438.

### III.4.5.C. Kesimpulan ayat.

Pada ayat 9 dan 10 yang telah dijelaskan di atas, merupakan undang-undang amali dalam menjaga keharmonian kehidupan umat Islam khususnya, iaitu tentang kemungkinan berlakunya konflik dalam antara umat Islam.

Dalam Ayat ke 9 Allah menjelaskan bahawa apabila terdapat dua puak di kalangan umat Islam yang saling berselisih, maka wajib umat Islam yang lain berusaha untuk mendamaikannya. Namun jika usaha mendamaikan itu tidak berhasil, sebaliknya malah timbul puak yang membangkang (*būghāt*), maka Allah memberikan jalan keluar iaitu dengan cara memerangi puak pembangkang. Akan tetapi cara memerangi puak pembangkang di kalangan umat Islam ini berbeza dengan memerangi orang kafir. Memerangi puak yang membangkang ini adalah bertujuan supaya mereka kembali pada jalan Allah. Jika mereka telah kembali ke jalan Allah, maka langkah berikutnya adalah mendamaikan mereka secara adil sehingga mereka kembali bersaudara.

Persaudaraan inilah yang merupakan pengikat persatuan di kalangan umat Islam, sehingga pada ayat kesepuluh, Allah menjelaskan tentang hakikat persaudaraan yang hakiki, iaitu persaudaraan yang berasaskan pada persamaan akidah yang akan menciptakan suatu ikatan persatuan yang kuat dalam membina kehidupan sosial yang harmoni.

### III.4.6. Penjelasan ayat ke 11.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَمِلُوا لَا يَسْخَرُوا فَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَتَبَرُّوا بِالْأَقْوَابِ بِفُسْنِ الْإِلَامِ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتَبَرَّ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (11)

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum mengolok-olokan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang diolok-olokan) lebih baik daripada mereka (yang mengolok-olokan) dan jangan pula wanita-wanita (mengolok-olokan) wanita-wanita lain (kerana) boleh jadi wanita yang diperolok-olokkan) lebih baik daripada wanita (yang mengolok-olokkan) dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan janganlah kamu panggil memanggil dengan dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

Terjemahan Surah al-Hujurāt (49):11.

### III.4.6.A. Sebab turunnya ayat.

عَنْ أَبِي حُمَيْدَةَ بْنِ الصَّحَّافِ قَالَ كَانَ الرَّجُلُ مِنَ الْمَنَّا يَكُونُ لَهُ الْأَسْهَانُ وَالثَّلَاثَةُ فِيدُعُ  
بِعَضُهَا فَعَسَى أَنْ يَنْكُرَهُ قَالَ فَتَرَكَتْ هَذِهِ الْآيَةُ (وَلَا تَتَبَرُّوا بِالْأَقْوَابِ) هَذَا حِدَيثٌ حَسَنٌ  
صَحِيحٌ.

Maksudnya:

“Diterima daripada Abi Jubayrah bin al-Dahāk, dia telah berkata: adalah seorang lelaki dari di antara kami mempunyai dua atau tiga nama, maka

dipanggilah dia dengan salah satu namanya, sementara dia (yang dipanggil itu) tidak suka dengan nama itu, maka turunlah ayat ini.”<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat al-Tirmidhi.

وَرَفِيْقَ رِوَايَةٍ : فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : يَا فُلَانَ ((فَيَقُولُونَ لَهُ : يَارَسُولُ اللَّهِ

إِنَّهُ يَفْضُبُ مِنْ هَذَا الْإِسْمِ فَأَنْزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةَ))

Maksudnya:

“Dalam riwayat lain: Maka Rasulullah memanggil orang tersebut: “Wahai pulan!” (maka para sahabat berkata kepada Rasulullah, “Wahai Rasulullah sesungguhnya dia marah kalau dipanggil dengan nama itu”. Maka turunlah ayat ini.”<sup>2</sup>

Terjemahan hadith riwayat Ahmad bin Hanbal.

### III.4.6.B. Pentafsiran ayat.

Ayat di atas menjelaskan tentang larangan takabur atau sombong sehingga memandang rendah terhadap orang lain. Seperti yang dijelaskan dalam hadith di bawah ini:

الْكِبَرُ بَطْرُ الْحِقْ وَغَمْصُ النَّاسِ

Maksudnya:

“Sombong itu menolak kebenaran dan memandang rendah orang lain”.<sup>3</sup>

Terjemahan hadith riwayat al-Tirmidhi.

<sup>1</sup> Al-Tirmidhi, (t.t.), *op.cit.*, J. 5, hadith no. 3321, h.64.

<sup>2</sup> Ahmad bin Hanbal (1982), *op.cit.*, J. 4, h.49.

<sup>3</sup> Al-Tirmidhi (t.t.), *op.cit.*, J. 4, hadith no. 1999, h. 361.

Perbuatan itu dilarang kerana baik-buruknya atau tinggi-rendahnya martabat seseorang itu hanyalah pada pandangan Allah SWT., kerana boleh jadi seseorang yang dianggap rendah itu lebih baik di hadapan Allah daripada orang yang menganggap rendah. Pada ayat di atas juga terdapat larangan mencela antara satu dengan yang lain. Larangan ini dijelaskan dalam ayat lain yang menyatakan:

وَلْ لِكُلِّ هُمَزَةٍ لَّمَّا

Maksudnya:

“Celakalah bagi setiap pengumpat lagi pencela.”

Terjemahan Surah *al-Humazah* (104):1.

Kedua-dua istilah dalam ayat di atas (*humazah* dan *lumazah*) menunjukkan pada suatu aktiviti yang sama, iaitu memandang rendah serta meremehkan orang lain. Namun dalam proses aktivitinya kedua-dua istilah ini mempunyai perbezaan seperti yang diungkapkan oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya, bahawa perkataan *humazah* itu dilakukan dengan perilaku atau tindakan, sedangkan *lumazah* dilakukan dengan lisan.<sup>1</sup>

Selanjutnya Sayyid Quṭub dalam tafsirnya menjelaskan ayat kesebelas Surah al-Ḥujurāt ini dengan huraian yang sangat indah. Dia mengatakan bahawa masyarakat yang gemilang yang ditegakkan Islam dengan bimbingan al-Qur'an itu merupakan sebuah masyarakat yang mempunyai adab sopan yang tinggi. Setiap warganya mempunyai kehormatan yang tidak boleh disentuh kerana kehormatannya

<sup>1</sup> Ibn Kathir (1984), *op.cit.*, J. 6 h.378.

merupakan sebahagian daripada kehormatan masyarakat. Perbuatan mengaibkan mana-mana warganya bererti mengaibkan diri sendiri kerana masyarakat itu merupakan satu kesatuan yang mempunyai satu kehormatan.<sup>1</sup>

Islam mengajar bahawa ukuran kemuliaan seseorang bukanlah dipandang dari segi kekayaan, kekuataan, kecantikan dan sebagainya. Itu semua hanya merupakan bentuk materi yang tidak dapat dijadikan ukuran kemuliaan seseorang. Namun demikian, ukuran kemuliaan seseorang hanya dapat diukur oleh pertimbangan neraca Allah. Rasulullah S.A.W. bersabda:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَنْتَهِ إِلَيْ صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ  
وَلِكُنْ يَنْتَهِ إِلَيْ قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Maksudnya:

“Telah bersabda Rasulullah S.A.W. : “Sesungguhnya Allah tidak akan melihat kecantikanmu dan hartamu, akan tetapi akan melihat hatimu serta amalmu”.”<sup>2</sup>

Terjemahan hadith riwayat Ahmad bin Hanbal.

Dengan demikian memandang rendah serta menghina orang lain kerana bentuk materi, adalah suatu hal yang dilarang kerana dia telah mendahului hak Allah, sebab hanya Allah lah yang Maha Mengetahui keadaan hati seseorang.

Selanjutnya dalam ayat di atas juga Allah melarang mencela diri sendiri.

Maksud larangan ini, ialah larangan mencela orang lain kerana jika seseorang

<sup>1</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h.3344.

<sup>2</sup> Ahmad bin Hanbal (1982), *op.cit.*, J. 2, h. 285.

mencela orang lain ertiaya sama seperti dia mencela dirinya sendiri. Dalam ayat sebelumnya ada menjelaskan bahawa setiap orang mukmin itu bersaudara atau dalam hadith dikatakan seperti satu tubuh, maka jika seseorang menghina orang lain sama seperti menghinakan dirinya sendiri, kerana seseorang yang dihina adalah bahagian daripada yang menghina. Salah satu hadith Nabi menyatakan:

وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

“Barang siapa yang menutupi aurat (keburukan) seorang mukmin, maka Allah akan menutup keburukannya pada hari Kiamat.”<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

Allah juga melarang memberikan gelaran yang buruk terhadap seseorang, maksudnya ialah larangan memanggil gelaran yang buruk sementara orang yang dipanggil itu tidak suka dengan panggilan tersebut, seperti yang terdapat pada sebab turunnya ayat ini yang telah dijelaskan di atas.

Memberikan gelaran yang buruk serta memanggil dengan gelaran itu merupakan suatu perbuatan yang seburuk-buruknya bentuk kefasiqkan. Maksudnya memanggil dengan nama yang buruk atau panggilan yang menghina adalah seburuk-buruk sifat dari sifat-sifat kefasiqkan. Mereka yang melakukannya hendaklah bertaubat, kerana barang siapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (t.t.), *op.cit.*, J. 5, hadith no. 2442, h. 97.

### **III.4.6.C. Kesimpulan ayat.**

Dalam ayat yang telah dihuraikan di atas, Allah S.W.T. melarang orang-orang yang beriman melakukan beberapa penyakit sosial yang dapat merosak keharmonian dalam kehidupannya. Beberapa penyakit sosial yang dilarang oleh Allah itu adalah; sikap mengolok-olok yang menganggap rendah orang lain, sikap mencela, dan memanggil dengan gelaran yang buruk.

Ketiga-tiga penyakit sosial ini merupakan bentuk kezaliman, sehingga orang yang melakukannya mesti bertaubat. Ketiga-tiga penyakit sosial di atas di samping dapat merosak keharmonian dalam kehidupan sosial, juga dapat menyebabkan orang lain merasa dizalimi.

### **III.4.7. Penjelasan ayat 12.**

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا احْتَبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظُّنُنِ إِنْ بَعْضَ الظُّنُنِ إِنْ هُمْ وَلَا تَحْسِسُوا وَلَا يَعْتَبِرُ  
بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيُّوبُ أَخْذَكُمْ أَنْ يَا كُلَّ لَحْمٍ أَجِيهِ مِنْتَا فَكَرِهْتُمُوهُ وَأَئْتُو اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ  
ئَوْابَ رَحِيمٌ (۱۲)

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu

merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.”

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49):12.

### **III.4.7.A. Pentafsiran ayat.**

Ayat ini mendirikan satu lagi pagar kawalan dalam masyarakat Islam untuk melindungi kehormatan dan kebebasan individu-individu apabila ia mengajar manusia supaya membersihkan perasaan dan hati mereka dengan cara yang menarik. Ia juga dimulakan dengan seruan yang sangat mesra “wahai orang-orang yang beriman!” kemudian menyuruh mereka supaya menjauhi kebanyakan prasangka-prasangka dan jangan membiarkan hati mereka menjadi sarang prasangka dan keraguan-keraguan terhadap orang lain, kerana setengah-setengah prasangka itu adalah berdosa.<sup>1</sup>

Ada tiga prinsip dalam menjaga ketenteraman hidup bermasyarakat dalam ayat di atas. Yang pertama, Allah memerintahkan kepada orang yang beriman untuk menjauhi kebanyakan prasangka kerana setengah-setengah dari prasangka itu adalah dosa. Ini bermakna Allah memerintahkan setiap orang yang beriman menjauhi kebanyakan dari prasangka, kerana seseorang itu tidak dapat mengetahui yang mana prasangka yang dikatakan berdosa.

---

<sup>1</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h..3345.

Seruan ini merupakan mesej moral bagi orang yang beriman untuk menjaga ketenteraman dalam berinteraksi, sehingga terjaganya hak-hak setiap orang dengan membersihkan lingkungan sosial dari berbagai prasangka sehingga akan melahirkan masyarakat yang bersih daripada pelbagai isu yang tidak benar serta fitnah yang akan mengancam kemerdekaan hak seseorang.

Di sini nampak bahawa ajaran Islam begitu indah di mana telah mengatur kehidupan manusia dengan cara melindungi serta menjaga hak-hak setiap individu dalam kehidupan sosial. Dengan demikian dalam ajaran Islam bentuk prasangka apapun tidak dapat dijadikan landasan hukum, melainkan jika ada saksi yang adil, yang benar-benar menyaksikan apa-apa yang terjadi. Kerana prasangka itu tidak akan membawa pada kebenaran sedikitpun, seperti dalam firman-Nya yang menyatakan:

وَمَا يَبْيَغُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا طَغَىٰ إِنَّ الظُّنُنَ لَا يُعْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ (٣٦)

Maksudnya:

“Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti kecuali persangkaan saja. Sesungguhnya persangkaan itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan.”

Terjemahan Surah *Yūnus* (10):36.

Larangan berprasangka dijelaskan pula dalam hadith berikut ini:

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ يَا تَرِّعُنَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِلَيْكُمُ الظَّنُّ فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ  
الْحَدِيثِ، وَلَا تَحْسِسُوا وَلَا تُخْسِسُوا وَلَا تَبْغُضُوا وَلَا تُبَغْضَوْا، وَكُوْنُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا

Maksudnya:

“Diterima daripada Abū Hurairah r.a. telah berkata: telah bersabda Rasulullah S.A.W.: “Hati-hatilah kamu daripada berburuk sangka, kerana sesungguhnya buruk sangka itu adalah perkataan yang paling bohong. Dan janganlah kamu saling mengintai (mengintip), saling merisik, dan saling benci. Dan jadilah kamu semua sebagai hamba Allah yang bersaudara”.”<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

Kemudian prinsip atau dasar yang kedua dalam ayat di atas adalah larangan mengintip atau mencari-cari kesalahan orang. Dalam ayat di atas diistilahkan dengan perkataan *tajassasū*.

Ada sebahagian ulama tafsir membaca perkataan *tajassasū* dalam ayat di atas, dengan bacaan *tahassasū*. Namun kedua-dua perkataan ini tidak mempunyai perbezaan yang jauh, seperti yang dikatakan Imām al-Akhfasy yang dikutip oleh al-Qurtubī bahawa perkataan *tajassasū* mengandungi makna berbincang tentang sesuatu, dan *tahassasū* adalah mencari-cari berita tentang sesuatu serta membincangkannya.<sup>2</sup> Kedua-dua ini dilarang oleh Rasulullah S.A.W. seperti yang dijelaskan dalam hadith di atas.

Penjelasan di atas menjelaskan bahawa Islam sangat menentang perbuatan yang hina ini yang akan mengotori kebersihan hati manusia daripada kecenderungan yang jahat untuk memeriksa keaiban-keaiban dan keburukan-keburukan orang lain,

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (t.t.), *op.cit.*, J. 9, hadith no. 5243, h. 198.

<sup>2</sup> Al-Qurtubī (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 218.

sesuai dengan matlamat Islam yang mahu menegakkan kebersihan akhlak dan kesucian hati. Ini kerana manusia mempunyai kebebasan dan kehormatan mereka masing-masing yang tidak boleh dicabul dengan cara apapun dan tidak dapat disentuh dengan cara apapun.<sup>1</sup>

Prinsip ketiga daripada ayat di atas adalah larangan mengumpat. Keburukan mengumpat ini dalam ayat di atas, disertakan dengan suatu pemandangan yang menjijikan, iaitu pemandangan seorang manusia yang memakan daging bangkai saudaranya.

Pemandangan ini merupakan suatu contoh terhadap orang yang mengumpat, yang tentu manusia akan jijik melihat pemandangan seperti itu, apakah lagi untuk memakannya. Seperti gambaran yang dijelaskan dalam hadith di bawah ini:

عَنْ أَنَّىٰ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا عُرْجَ يَبْقَىْ مَرَرَتُ يَقْوِيْ  
لَهُمْ أَظْفَارٌ مِنْ شَخَصٍ يَخْمِشُونَ وَجْهَهُمْ وَصَدُورَهُمْ، قَلْتُ: مَنْ هُولَاءِ يَاجِرِيلُ؟  
قَالَ: هُولَاءِ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ لَحْوَ النَّاسِ وَيَقْعُونَ فِي أَعْرَاضِهِمْ

Maksudnya:

“Diterima daripada Anas bin Malik telah berkata: telah bersabda Rasulullah S.A.W.: “Pada masa aku dimikrajkan, aku telah melalui sekumpulan manusia yang berkuku tembaga sedang mencakar muka dan dada mereka, lalu akupun bertanya, Siapakah mereka, wahai Jibril?”. Jibril menjawab: “Mereka itulah orang-orang yang makan daging

<sup>1</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h.3346.

manusia ialah orang-orang yang memfitnah (mengumpat) kehormatan orang lain”.<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Abū Dāud.

Al-Qur'an menjelaskan bahawa perbuatan *ghībah* atau mengumpat merupakan suatu bentuk yang sangat hina, sehingga Allah mengumpamakan seseorang yang mengumpat saudaranya adalah seperti orang yang sedang makan daging bangkai saudaranya itu. Perumpamaan ini merupakan contoh yang sangat tegas daripada Allah kepada orang yang mengumpat saudaranya. Ketegasan ini menunjukkan bahawa Islam sangat menghormati kehormatan serta kemuliaan seseorang meskipun seseorang itu mempunyai kelemahan.

Kekurangan serta kelemahan seseorang yang beriman semestinya ditutupi oleh saudaranya yang lain. Tanggungjawab ini menunjukkan bahawa dengan saling menjaga kehormatan orang lain akan membawa pada ketenteraman serta keharmonian dalam berinteraksi sosial, dan ini yang dicita-citakan oleh Islam.

Hal ini tercermin dalam salah satu huraian khutbah Rasulullah S.A.W. ketika haji wada', seperti yang dijelaskan di bawah ini:

فَإِنْ دَمَاءُكُمْ وَأَمْوَالُكُمْ وَأَعْرَاضُكُمْ عَلَيْكُمْ حَرَامٌ كَحْرُمَةٌ يُوْمَكُمْ هَذَا فِي بَلَدِكُمْ هَذَا فِي  
شَهْرٍ كُمْ هَذَا، فَاعَادُهَا مَرَّارًا

<sup>1</sup> Al-Imām al-Hāfiẓ Abū Dāud Sulaymān bin al-Asy'ath bin Ishāq al-Azdi al-Sijistāniy (t.t.), *Sunan Abū Dāud*, Istanbul, Turkey: Cagri Yayınlari, J. 5, hadith no.4878, h. 194.

Maksudnya:

“Sesungguhnya darah-darah kamu, harta-harta kamu, kehormatan-kehormatan kamu sekalian adalah haram atas kamu sekalian, seperti haramnya hari-hari kamu ini, negeri kamu ini, dan bulan kamu ini. Beliau mengulanginya berkali-kali.”<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

Juga dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah, katanya:

قالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ... كُلُّ مُسْلِيمٍ حَرَامٌ مَالُهُ وَدَمُهُ  
الْقَوْىٰ هُنَّا بِحَسْبِ امْرِيٍّ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَغْرِي أَخَاهُ الْمُسْلِيمِ

Maksudnya:

Telah bersabda Rasulullah S.A.W.: “... Setiap muslim kepada muslim yang lain adalah haram hartanya dan darahnya. Dan takwa di sini (dalam hati), termasuk suatu keburukan dalam diri seseorang jika merendahkan saudaranya yang muslim.”<sup>2</sup>

Terjemahan hadith riwayat al-Tirmidhī.

Selanjutnya Rasulullah S.A.W. memberikan suatu definisi tentang *ghibah* atau mengumpat, dalam hadithnya yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah berikut ini:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَنْدَرُونَ مَا لَغَيْتُمْ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ  
ذُكْرُكَ أَخَاكَ إِمَّا يَكْرِهُ، قِيلَ: أَفَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِي مَا أَقُولُ؟ قَالَ: إِنْ كَانَ فِيهِ مَا  
تَقُولُ فَقَدْ أَغْبَيْتَهُ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ فَقَدْ بَخْتَهُ

Maksudnya:

“Sesungguhnya telah bersabda Rasulullah S.A.W.: “Apakah kamu sekalian tahu apakah itu *ghibah* (mengumpat)?”, para sahabat menjawab: “Allah dan Rasul-Nya lebih megetahui”. Baginda bersabda: “Kamu

<sup>1</sup> Al-'Asqalānī (t.t.), *op.cit.*, J. 3, hadith no. 1739, h. 573.

<sup>2</sup> Al-Tirmidhī (1981), *op.cit.*, J. 4, hadith no. 1927, h. 325.

membicarakan saudaramu tentang sesuatu yang dia benci tentangnya itu". Bertanya sahabat: "Bagaimana jika sesuatu yang dibicarakan itu betul terdapat pada saudara saya itu?", Baginda bersabda: "Jika betul terdapat pada saudaramu (apa-apa yang dibicarakan itu) maka kamu telah mengumpatnya (*ghibah*), dan jika tidak terdapat pada saudaramu (apa-apa yang dibicarakan itu) maka kamu telah membuat kebohongan".<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Muslim.

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa Allah S.W.T. mengumpamakan orang yang mengumpat itu seperti memakan bangkai, kerana bangkai itu tidak tahu siapa yang memakan dagingnya. Seperti halnya manusia yang hidup, dia tidak tahu percakapan orang yang mengumpatnya.<sup>2</sup>

Beliau juga mengambil suatu perkataan Ibn 'Abbās, yang mengatakan: 'Sesungguhnya Allah membuat perumpamaan yang jijik ini pada perbuatan *ghibah*. Hal ini kerana memakan daging bangkai itu adalah haram dan menjijikkan, maka demikian juga dengan *ghibah* adalah sesuatu yang haram dalam agama dan sesuatu yang kotor dalam jiwa.<sup>3</sup>

Jadi maksud daripada semua larangan yang terkandung dalam ayat kedua belas ini adalah perintah untuk saling menjaga hak dan kehormatan orang lain. Pada awal ayat sebelumnya menjelaskan bahawa orang yang beriman itu bersaudara, dan

<sup>1</sup>Imām Abī al-Husayn Muslim bin al-Hijājī al-Qusyayriy al-Naisābūriy (1994), *Sahīh Muslim*, (al-Imām Muhyī al-Dīn al-Nawāwī), Bayrut, Lubnān: Dār al-Ma'rifah, J. 15, hadith no. 6536, h. 358.

<sup>2</sup> Al-Qurtubi (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 219.

<sup>3</sup> *Ibid.*, J. 8, h. 219.

apabila seorang mukmin membicarakan keburukan orang mukmin yang lain, maka dia seperti telah membicarakan keburukannya sendiri.

Pengajaran yang dapat diambil dalam ayat di atas ialah bahawa setiap orang yang beriman hendaknya untuk saling menutupi aib saudaranya. Sebagaimana yang dituntut oleh Rasulullah S.A.W. dalam hadith berikut:

عَنْ أَبِي بَرْدَةَ الْبَلْوَى قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَامِعْشَرَ مَنْ أَمْنَ بِلِسَانِهِ  
وَلَمْ يَدْخُلِ الإِيمَانَ فِي قَلْبِهِ، لَا تَقْتَابُوا الْمُسْلِمِينَ وَلَا تَتَبَعُوا عُورَاتِهِمْ، فَإِنَّهُ مَنْ يَتَبَعُ عُورَاتَهُمْ  
يَتَبَعُ اللَّهُ عُورَاتَهُ، وَمَنْ يَتَبَعُ اللَّهُ عُورَاتَهُ يَفْضِّلُهُ فِي بَيْتِهِ

Maksudnya:

“Diterima daripada Abi Bardah al-Balwy dia telah berkata: telah bersabda Rasulullah S.A.W., “Wahai manusia, barang siapa yang telah beriman dengan lisannya dan belum masuk iman dalam hatinya, janganlah kamu sekalian saling mengumpat dan janganlah kamu sekalian mencari keburukan orang lain, maka sesungguhnya barang siapa yang mencari-cari keburukan orang lain, Allah akan mencari-cari keburukannya, dan barang siapa orang yang dicari-cari kekeburukannya oleh Allah, maka Allah akan membuka kejelekan dia di rumahnya”.”<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Abū Dāud.

### **III.4.7.B. Kesimpulan ayat.**

Ayat yang dihuraikan di atas intinya ialah perintah Allah dalam menjaga kehormatan setiap individu muslim, dimulakan dengan menjauhi sikap berprasangka buruk kepada orang lain. Kerana dengan berprasangka buruk ini akan menimbulkan

<sup>1</sup>Abū Dāud (t.t.), *op.cit.*, J. 5, hadith no. 4880, h. 195.

penyakit-penyakit sosial yang lainnya, seperti yang dijelaskan dalam ayat tersebut, seperti sikap mencari-cari kesalahan orang lain dan sikap mengumpat. Larangan ini merupakan suatu pagar kawalan agar terciptanya suatu kehidupan sosial yang saling menghargai kehormatan orang lain.

### III.4.8. Penjelasan ayat 13.

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ تَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَمْ كُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ (١٣)

Maksudnya:

"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49):13.

### III.4.8.A. Sebab turunnya ayat.

قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : نَزَّلَتْ فِي ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ ، وَقُولُهُ فِي الرَّجُلِ الَّذِي لَمْ يَفْسُدْ لَهُ أَيْنَ فُلَانَةً ،  
فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ النَّاكِرِ فُلَانَةً؟ فَقَامَ ثَابِتٌ فَقَالَ : أَنَا يَا رَسُولُ  
اللَّهِ فَقَالَ : اُنْظُرْ فِي وُجُوهِ الْقَوْمِ ، فَنَظَرَ فَقَالَ : مَا رَأَيْتَ يَا ثَابِتَ ؟ فَقَالَ : رَأَيْتُ أَيْضًا

وَأَحْمَرُ وَأَسْوَدُ، قَالَ: فَإِنَّكَ لَا تَفْضِلُهُمْ إِلَّا فِي الدِّينِ وَالْقُوَىٰ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى هَذِهِ الْآيَةِ

Maksudnya:

“Ibn ‘Abbas telah berkata: bahawa ayat ini diturunkan berkenaan dengan Thābit bin Qays, dalam satu perkataan mengenai seseorang yang tidak diberi kelapangan tempat (dalam suatu majlis) oleh Ibn fulan. Maka Rasulullah S.A.W. berkata: Siapa si fulan yang disebutkan tadi? Maka berdirilah Thābit dan berkata: Saya wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Lihatlah oleh mu wajah orang-orang (disekelinglingmu). Maka Thābit melihatnya, dan Baginda bertanya: Apa yang kamu lihat wahai Thābit? Dia menjawab: Saya lihat orang yang berkulit putih, merah, dan hitam. Maka Rasulullah S.A.W. bersabda: Sesungguhnya engkau tidaklah dilebihkan daripada mereka kecuali kerana agama dan ketakwaan. Maka Allah S.W.T. menurunkan ayat ini.”<sup>1</sup>

حَدَّثَنَا عَمْرُونَ بْنُ عُثْمَانَ وَ كَثِيرٌ بْنُ عَبْدِ قَالَ حَدَّثَنَا بَقِيَةُ بْنُ الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنِي الزَّهْرِيُّ  
 قَالَ: أَمْرَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَنِي بَيَاضَةَ أَنْ يَزُوْجُوا أَبَاهِ هِنْدِ إِمْرَأَ مِنْهُمْ،  
 فَقَالُوا لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: نَزُوْجُ/بَنَاتَنَا مَوَالِيْنَا؟! فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ :  
 ((إِنَّا حَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شَعُورًا)) الآية.

Maksudnya:

“Telah diceritakan kepada kami ‘Umar bin ‘Uthmān dan Kathīr bin ‘Ubayd, kedua-duanya berkata, “Telah berkata kepada kami Baqiyah bin al-Walid, ia telah berkata: “Telah dikabarkan kepadaku al-Zuhri”, dia berkata, Telah memerintahkan Rasulullah S.A.W. kepada Banī Bayādah supaya mereka menikahkan Abū Hindi dengan anak perempuan mereka. Maka mereka berkata kepada Rasulullah S.A.W.: “Apakah kami menikahkan anak-anak perempuan kami dengan hamba sahaya kami?”. Maka Allah Azza wa Jalla menurunkan ayat: (Sesungguhnya kami menciptakan kamu daripada seorang laki-laki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa)<sup>2</sup>”.

<sup>1</sup> Al-Naysābūriy (1968), *op.cit.*, h.264.

<sup>2</sup> Al-Qurtubī, (1993), *op.cit.*, J. 8, h. 222.

قَبْلَ نَزَّلَتِ فِي شَانِ عَبْدُ أَسْوَدَ مِرْضٌ فَعَادَهُ الْيَتِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ تَوَفَّ فَغَسَّلَهُ  
وَكَفَنَهُ وَدَفَنَهُ، فَوُجِدَ بَعْضُ النَّاسِ مِنْ أَنفُسِهِمْ شَيْئاً

Maksudnya:

“Diceritakan bahawa ayat ini diturunkan berkenaan ketika seorang hamba sahaya yang hitam sakit, maka menjenguklah Rasulullah S.A.W. kepadanya. Kemudian hamba sahaya itu meninggal, maka Rasulullah S.A.W. memandikannya, mengkafaninya, dan mengkuburkannya. Maka nampak pada sebahagian manusia dalam dirinya sesuatu”.<sup>1</sup>

### III.4.8.B. Pentafsiran ayat.

Setelah menghadapkan seruan demi seruan kepada orang-orang mu’min dan membawa mereka ke ufuk yang luhur dalam berbagai-bagai adab sopan yang berkaitan dengan diri dan masyarakat, dan selanjutnya mendirikan pagar-pagar jaminan yang kuat untuk memelihara maruah, kebebasan dan kehormatan-kehormatan dan menjamin semuanya itu dengan rasa kepekaan yang dirangsangkan dalam jiwa mereka melalui *tawajjuh* kepada Allah dan bertakwa kepada-Nya, dan setelah mendaki anak-anak tangga ini menuju ke ufuk yang tinggi itu, al-Qur'an menyeru pula umat manusia daripada berbagai-bagai bangsa dan warna untuk memulangkan mereka kepada asal-usul yang satu dan membawa

<sup>1</sup> Al-Wahidi (1387 H.), *Asbāb al-Nuzūl*, Qahirah: al-Halibah, cetakan 2, h. 224-225.

mereka kepada neraca yang satu yang menjadi landasan masyarakat mu'min yang terpilih yang telah meningkat ke ufuk yang tinggi.<sup>1</sup>

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia diciptakan dari asal yang satu iaitu Adam, kemudian dijadikan pasangannya iaitu Hawa. Selanjutnya manusia berkembang-biak sehingga jadilah mereka dari jenis lelaki dan perempuan, serta bersuku-suku dan berbangsa-bangsa. Namun perbezaan itu semua bukan supaya mereka bergaduh dan berseteru, namun arahan al-Qur'an dalam ayat di atas bahawa perbezaan itu semua merupakan jembatan untuk saling mengenal antara satu dengan yang lain.

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa perbezaan jenis kelamin, sama ada perempuan atau lelaki, dan suku serta bangsa bukanlah ukuran dari kemuliaan seseorang. Melainkan kemuliaan seseorang hanya dapat diperoleh melalui kualiti ketakwaan dalam dirinya. Seseorang yang berasal daripada suku dan bangsa yang mulia pada pandangan manusia, belum tentu mulia pada pandangan Allah. Melainkan ketakwaan sebagai neraca bagi manusia dalam memperoleh kemuliaannya disisi Allah. Hadith Nabi menyatakan:

عَنْ أَبِي ذِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُ: اُنْظُرْ فَإِنَّكَ لَستَ بِغَيْرِ مِنْ أَحْمَرٍ وَلَا أَسْوَدٍ إِلَّا أَنْ تَفْضِلَهُ بِتَقْوَى

<sup>1</sup> Sayyid Quṭub (1982), *op.cit.*, J. 6, h.3348.

Maksudnya:

“Diterima daripada Abi Dharr r.a. telah berkata: sesungguhnya Rasulullah S.A.W. telah bersabda: “Lihatlah sesungguhnya engkau bukanlah yang terbaik daripada yang berkulit merah atau yang berkulit paling hitam, kecuali yang lebih utamanya adalah yang bertakwa kepada Allah”.”<sup>1</sup>

Terjemahan hadith riwayat Ahmad bin Hanbal.

Kemulian seluruh manusia apabila dihubungkan dengan perwatakan Adam dan Hawa adalah sama, akan tetapi antara mereka diunggulkan kerana faktor agama, iaitu siapa yang taat kepada Allah dan mengikuti Rasul Nya.<sup>2</sup>

Ayat ini ditempatkan setelah ayat yang menjelaskan tentang larang berbuat *ghibah* serta memandang rendah dan mencari-cari kesalahan orang lain. Maka pada ayat ini Allah membawa manusia kepada suatu kondisi di mana manusia disatukan dengan kembali pada asal-usul mereka, iaitu yang berasal daripada keturunan yang sama. Adapun perbezaan puak mahupun bangsa atau warna kulit dan bahasa, itu hanyalah perbezaan yang nampak pada pandangan manusia. Namun semua perbezaan itu pada pandangan Allah adalah sama. Tidak ada kemuliaan bagi seseorang yang berkulit putih di hadapan orang yang berkulit hitam, atau orang yang berbahasa Inggeris di hadapan orang yang berbahasa Melayu, semua adalah sama pada pandangan Allah.

<sup>1</sup> Ahmad bin Hanbal, (1982), *op.cit.*, J. 5, h. 158.

<sup>2</sup> Ibn Kathir (1984), *op.cit.*, J. 6, h. 387.

Jika kenyataan ini tertanam dalam diri manusia, maka akan terlahir suatu masyarakat yang bertamadun. Yang mana persamaan hak dan kehormatan setiap individu akan saling dijaga kerana mereka bersaudara dan berasal daripada keturunan yang sama. Allah tidak memberikan kemuliaan yang lebih kepada suatu kaum di hadapan kaum yang lain, melainkan darjat setiap manusia pada pandangan Allah adalah sama, kecuali ketakwaan yang akan membawa manusia itu kepada darjat yang paling mulia disisi-Nya.

### **III.4.8.C. Kesimpulan ayat.**

Pada ayat di atas Allah menjelaskan hakikat persamaan manusia dihadapan-Nya. Meskipun secara fitrah manusia diciptakan dalam bermacam-macam perbezaan, yang meliputi perbezaan jenis kelamin, warna kulit, status, puak, bangsa dan sebagainya. Namun semua perbezaan itu bukan supaya mereka bergaduh, melainkan perbezaan itu akan menjadi suatu kekuatan yang positif yang dapat menyatukan manusia, jika dalam perbezaan itu terdapat sikap saling memahami (*ta'aruf*).

Selanjutnya Allah menjelaskan bahawa semua perbezaan itu bukanlah ukuran kemuliaan seseorang dengan orang lain atau satu bangsa dengan bangsa yang lain, melainkan ukuran kemuliaan seseorang dihadapan Allah adalah nilai ketakwaan kepada-Nya.

### III.4.9. Penjelasan ayat 14-18.

قَالَتِ الْأَعْرَابُ عَامِتَا قُلْ لَمْ يُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلُ الْيَمَانَ فِي قُلُوبِكُمْ  
وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلْتَكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ (١٤) إِنَّمَا  
الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ عَامَشُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْجِعُوا وَجَاهُهُمْ بِآمْنَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي  
سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ (١٥) قُلْ أَتَلَمْلَمُونَ اللَّهَ يَدْبِيُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي  
السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ كُلُّ شَيْءٍ عَلِيهِمْ (١٤) يَمْلُثُونَ عَيْنَكَ أَنْ أَسْلَمُوا قُلْ لَا  
يَمْلُثُوا عَيْنِي إِسْلَامُكُمْ بِلِ اللَّهِ يَمْنُعُ عَيْنَكُمْ أَنْ هَذَا كُمْ لِلْيَمَانِ إِنْ كُشِّمْ صَادِقُونَ (١٧) إِنَّ اللَّهَ  
يَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (١٨)

Maksudnya:

“Orang-orang Arab Badwi itu berkata: “Kami telah beriman”. Katakanlah (kepada mereka): “Kamu belum beriman, tetapi katakanlah ‘kami telah tunduk’, kerana iman belum masuk ke dalam hatimu, dan jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya, Dia tiada akan mengurangi sedikitpun (pahala) amalanmu; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (14)

Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar. (15)

Katakanlah (kepada mereka): “Apa yang kamu akan memberitahuhan kepada Allah tentang agamamu (keyakinanmu), padahal Allah mengetahui apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. (16)

Mereka merasa telah memberi nikmat kepadamu dengan ke-Islaman mereka. Katakanlah: “Janganlah kamu merasa telah memberi nikmat kepadaku dengan ke-Islamanmu, sebenarnya Allah Dialah yang

melimpahkan nikmat kepadamu dengan membekalkan kamu dengan keimanan jika kamu ialah orang-orang yang benar. (17)

Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ghaib di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. (18)"

Terjemahan Surah *al-Hujurāt* (49):14-18.

### III.4.9.A. Sebab turunnya ayat.

نَزَّلْتِ فِي الْأَعْرَابِ مِنْ بَيْنِ أَسْدِ ابْنِ حُزَيْمَةَ قَدِمُوا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
 الْمَدِينَةَ فِي سَيِّئَةِ حَدَّيْهِ وَأَظَهَرُوا الشَّهَادَتَيْنِ وَلَمْ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ فِي السِّرِّ وَأَفْسَدُوا طُرُقَ  
 الْمَدِينَةِ بِالْعُذْرَاتِ وَأَغْلَلُوا أَسْعَارَهَا، وَكَانُوا يَقُولُونَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
 أَتَيْنَاكَ بِالْأَنْتَالِ وَالْعِيَالِ وَلَمْ نَقَاتِلْكَ كَمَا قَاتَلَكَ بْنُو فُلَانَ، فَأَعْطَيْنَاكَ مِنَ الصَّدَقَةِ، وَجَعَلْنَا  
 مَنْتُونَ عَلَيْهِ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ فِيهِمْ هَذِهِ الْآيَةَ .

Maksudnya:

"Ayat ini diturunkan berkenaan dengan orang-orang Arab Badwi Bani Asad Ibn Khuzaymah yang datang kepada Rasulullah S.A.W. di Madinah pada tahun kemarau (tahun kekurangan makanan), mereka menyatakan dua kalimah syahadah, sementara dalam hati mereka belum beriman. Dan mereka membuat kerosakan di jalan-jalan kota Madinah dengan cara membuat berbagai keonaran dan dimahalkannya berbagai harga barang. Mereka berkata kepada Rasulullah S.A.W.: Kami datang kepada mu dengan membawa wanita-wanita dan budak-budak, kami tidak memerangimu seperti halnya Bani fulan, maka berilah kami sedekah. Dan mereka mengharapkan akan perkara itu. Maka Allah S.W.T. menurunkan ayat ini."<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Al-Naysābūriy (1968), *op.cit.*, h. 265-266.

Sayyid Qutub dalam tafsirnya mengambil salah satu pendapat yang menyatakan bahawa ayat ini diturunkan mengenai orang-orang Arab Badwi Bani Asad. Mereka berkata, “Kami telah beriman” - ketika mula-mula mereka memeluk Islam dan mereka membangkit-bangkitkan budi mereka kepada Rasulullah S.A.W. - Dan mereka berkata: “Wahai Rasulullah! Kami telah memeluk Islam. Orang-orang Arab lain telah memerangi Anda, sedangkan kami tidak memerangi Anda”. Oleh itu Allah mahu memberitahu kepada mereka hakikat pegangan yang tersemat di hati mereka ketika mereka mengucapkan perkataan itu. Mereka telah memeluk Islam, tetapi hati mereka belum lagi sampai kepada martabat keimanan.<sup>1</sup>

### **III.4.9.B. Penjelasan ayat.**

Ayat di atas secara keseluruhan menerangkan tentang hakikat keimanan dan nilai-nilai keimanan dalam bentuk perbuatan. Dimulai dengan suatu peristiwa orang Arab Badwi yang terdapat dalam ayat keempat belas, yang menyatakan “*kami telah beriman*”, Namun pernyataan ini dijawab dengan firman-Nya, “*Kamu belum beriman, tetapi katakanlah, Kami telah Islam (tunduk)*”.

Daripada ayat ini Imām al-Marāghī mengatakan bahawa kenapa Allah tidak menjawab kepada orang Arab Badwi itu dengan mengatakan “Kamu telah berbohong”, melainkan Allah menjawabnya dengan suatu jawaban yang sangat indah iaitu dengan firman-Nya “*Katakanlah oleh kamu sekalian bahawa kami telah*

---

<sup>1</sup> Sayyid Qutub (1982), *op.cit.*, J. 6, h. 3349.

*Islam*". Dari sini kelihatan adab sopan Rasulullah dalam berkomunikasi, iaitu supaya menghibur pengikutnya, serta memberikan perkataan yang lembut kepada mereka.<sup>1</sup>

Salah satu sifat kemurahan Allah dalam ayat tersebut dijelaskan bahawa meskipun seseorang itu baru masuk pada kriteria muslim, tetapi apabila ia taat dan patuh kepada Allah dan Rasul-Nya maka dia akan mendapatkan pahala tanpa dikurangi sedikitpun.

Selanjutnya pada ayat kelima belas, Allah membawa manusia kepada hakikat keimanan sebenar. Intinya bahawa keimanan itu adalah ketataan dan kepatuhan kepada Allah dalam hati, yang selanjutnya ditunjukkan dengan perbuatan dan hilangnya keraguan kepada-Nya, sehingga dia mampu merealisasikan keimanan tersebut dengan berjihad melalui harta dan jiwa raganya, ini merupakan bentuk sebenar keimanan.

Di sini kelihatan bahawa hakikat keimanan itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk ditempuh, melainkan sesuatu hakikat yang harus ditempuh dengan bermacam-macam cubaan dan cabaran. Seperti dalam firman-Nya yang menyatakan:

أَخْسِبِ النَّاسُ أَنْ يُتَرَكُوا أَنْ يَقُولُوا عَامِلًا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ (٢)

<sup>1</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Marāghi, *Tafsīr al-Marāghi*, J. 25, cetakan ke3, Misr: Multazam al-Tab'a wa al-Nasyr, h. 137.

Maksudnya:

“Apakah manusia itu mengira bahwa mereka dibiarkan (saja) mengatakan, “Kami telah beriman”, sedang mereka tidak diuji lagi?.”

Terjemahan Surah *al-Ankabüt* (29):2.

Terdapat banyak dalam ayat al-Qur'an yang menjelaskan sifat-sifat orang-orang yang beriman yang sebenar seperti dapat dilihat dalam beberapa surah berikut ini, antaranya: *al-Mu'minūn* (23):1-11; *al-Māidah* (5):13; *al-Tawbah* (9):23; *al-Nūr* (24):5. Semua itu menunjukkan pada suatu hakikat yang menuntut kesabaran serta perjuangan yang berat dalam memperolehinya.

Ayat keenam belas menjelaskan bahawa Allah mengetahui isi hati mereka dan Dia lah yang menceritakan kepada mereka tanpa menerima maklumat ini daripada mereka. Dan bagi Allah tidak ada yang samar dari sesuatu yang terdapat di langit dan di bumi, semuanya ada dalam ilmu-Nya. Dan Allah mengetahui juga hakikat keimanan serta ke-Islaman seseorang, sehingga tidak ada kebohongan dalam diri seseorang tentang keimanannya, melainkan Allah sentiasa mengetahui tentang kebohongan itu.

Selanjutnya pada ayat ketujuh belas Allah menerangkan suatu keadaan orang-orang Arab Badwi yang membangkit-bangkit ke-Islaman mereka, sehingga mereka merasa telah berbudi kepada Allah dengan ke-Islaman mereka. Padahal Allah lah yang telah berbudi kepada mereka dengan mengurniakan keimanan sehingga dengan keimanannya tersebut mereka terangkat darjatnya, yang asalnya dari

keadaan Jahiliyah kepada keadaan yang diterangi dengan nur Ilahi, dengan cara mereka tunduk (muslim) serta percaya (iman) kepada-Nya. Seperti dalam firman-Nya:

وَلَا تَهْنُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَأَشْعُرُ الْأَعْلَمُونَ إِنْ كُثُّمْ مُؤْمِنٍ (١٣٩)

Maksudnya:

“Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang beriman.”

Terjemahan Surah *Āli 'Imrān* (3):139.

Sayyid Quṭub menerangkan tentang hakikat keimanan ini dengan keterangannya yang menyatakan:

“Keimanan merupakan nikmat yang memberikan hakikat yang istimewa kepada kewujudan insan. Keimanan memberikan satu peranan yang amat besar dalam sistem alam buana ini. Kesan pertama yang diwujudkan oleh keimanan dalam hati seseorang apabila hakikat keimanan itu bertunjang dalam hatinya ialah dia mempunyai persepsi yang luas terhadap alam buana yang wujud ini, terhadap hubungan-hubungannya dengan alam buana ini dan terhadap peranannya di dalam buana ini, juga ia mempunyai kefahaman yang betul terhadap nilai-nilai, terhadap segala sesuatu, terhadap orang-orang dan terhadap peristiwa-peristiwa disekelilingnya. Dia menikmati rasa ketenteraman dalam perjalannya di alam ini sehingga ia menemui Allah. Dia menaruh perasaan mesra terhadap segala sesuatu di alam buana ini, dan perasaan mesra terhadap Penciptanya dan Pencipta alam buana. Dia menyedari harga diri dan kehormatannya. Dia merasa bahawa dia mampu melaksanakan satu peranan yang luhur yang direndai Allah dan dapat mewujudkan kebaikan kepada alam dan sekalian penghuninya.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Sayyid Quṭub (1982), *op.cit.*, J. 6, h. 3351.

Kenikmatan Iman dan Islam merupakan suatu hakikat kenikmatan bagi manusia, kerana dengan nikmat ini seorang manusia mempunyai pandangan yang luas terhadap nilai-nilai hidup, sehingga dengan nikmat ini setiap manusia akan merasa hidupnya lebih bermakna.

Surah ini diakhiri dengan suatu kenyataan bahawa Allah adalah Maha Mengetahui terhadap segala sesuatu, sama ada yang ghaib mahupun yang nampak di langit dan di bumi, dan Maha Melihat apa yang manusia kerjakan.

Ini merupakan penegasan kembali akan hakikat keimanan, dan mendidik manusia agar berlaku ikhlas dalam beramal. Ini kerana Allah mengetahui keadaan hati seseorang, sehingga jangan sampai lain di mulut dan lain di hati. Mulutnya berkata “kami telah beriman”, namun ternyata keimanan belum sampai pada hatinya.

Dengan demikian beberapa pedoman dalam surah ini merupakan suatu *tarbiyah* Allah kepada manusia, supaya memperkuat keta'atan kepada -Nya dan kepada Rasul-Nya sehingga ketaatan tersebut di buktikan dengan hati, perbuatan dan lisannya, seiring dengan nilai-nilai yang telah Allah dan Rasul-Nya jelaskan baik dalam al-Qur'an mahupun al-Sunnah.

### **III.4.9.C. Kesimpulan ayat**

Padauraian di atas dapat diambil suatu kesimpulan bahawa hakikat yang sebenarnya beriman kepada Allah adalah suatu hakikat yang mana hati, jiwa dan semua potensi yang ada dalam diri dipersembahkan hanya untuk mengabdi kepada-Nya. Selanjutnya hakikat ini ditunjukkan dengan tidak adanya keraguan bagi mereka dalam berjihad dengan harta dan dirinya.

Hakikat keimanan inilah yang merupakan nikmat daripada Allah bagi orang-orang yang berada di jalan-Nya, sehingga keimanan yang tertanam dalam hati, akan menjadikannya sentiasa dalam keadaan yang benar.